

TUN DR. ISMAIL

Kejora Timur yang Mengerdip

THAJUNNISA MOHAMED IBRAHIM



UTUSAN PUBLICATIONS & DISTRIBUTORS SDN BHD

0000011

Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
No. 1 & 3, Jalan 3/91A
Taman Shamelin Perkasa, Cheras
56100 Kuala Lumpur
Tel: 03-92856577
Fax: 03-92846554/92875763
e-mail: enquiry@upnd.com.my
laman web: www.upnd.com.my

© Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd
Terbitan Pertama 2004

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Thajunnisa Mohamed Ibrahim

Tun Dr. Ismail / Thajunnisa Mohamed Ibrahim

Bibliografi ms. 96

ISBN 967-61-1646-7

1. Ismail bin Datuk Abdul Rahman, Tun, 1915-1973.

2. Minister-Malaysia-Biography 3. Politicians-Malaysia-Biography

1. Judul

923.2595

Dicetak oleh
PRIN-AD SDN BHD
No. 27-29, Jalan 2/148A,
Tmn Sg Besi Industrial Park
57100 Kuala Lumpur

M
1176590

125.2595
15M T

30 MAY 2005
Berpustakaan Negara
Malaysia

Istimewa buat:

*Ayah dan ibu yang sentiasa merestui dan mendoakan
kejayaanku.*

*Kakak yang mengasihi dan menyayangi diriku,
Jua buat adik-adik dan anak-anak buah
semoga menuruti jejak langkahku ...*

Dalam Ingatan

"Gajah mati meninggalkan tulang, manusia mati meninggalkan nama." Pepatah Melayu ini merujuk kepada jasa-jasa insan yang telah memberi sumbangan kepada bangsa dan negara. Individu yang saya maksudkan ialah tokoh yang telah memainkan peranan yang penting dalam mengukir sejarah politik Malaysia, Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang kedua.

Ketika sedang merujuk beberapa buah buku di rak buku peribadi, saya terpandang kepada manuskrip latihan ilmiah Allahyarhamah isteri saya yang berjudul "Tun Dr. Ismail". Manuskrip itu telah lama berada di rak tersebut tetapi setelah saya menelaah tulisan Allahyarhamah baru-baru ini, saya dapat beliau telah menghasilkan suatu bahan sejarah yang patut menjadi tatapan rakyat negara kita. Beliau mengupas dengan begitu mendalam tentang ketokohan Tun Dr Ismail yang jarang dapat dibaca pada masa kini. Oleh itu saya rasa terpanggil untuk menerbitkan hasil kajian tersebut yang siap ditulis pada Januari 1987 agar ketokohan Tun Dr. Ismail dapat dibaca oleh masyarakat negara ini dan bukannya disimpan sebagai bahan pameran dalam almari.

Tun Dr. Ismail merupakan seorang negarawan yang cukup tegas terutamanya dalam memerangi rasuah. Peranan beliau dalam mencorakkan sejarah politik negara juga tidak boleh dipandang ringan. Jasa dan usaha beliau sudah pasti menjadi rujukan penting pada masa ini dan masa akan datang.

Saya juga tertarik untuk membukukan tulisan ini memandangkan Tun Dr. Ismail merupakan keturunan Orang Kaya Muar dan berasal dari Muar, tempat kelahiran saya. Salasilah keturunan beliau adalah daripada Raja Cempa Bugis, Bukit Mor, Muar. Ini juga dapat membuktikan betapa ramai anak watan Muar telah berjaya mewarnai sejarah Malaysia.

Saya juga merasakan kajian ini sangat wajar diketengahkan kepada umum. Ahli-ahli politik masa kini harus mencontohi Tun Dr. Ismail dari aspek perwatakan beliau yang bersih dan telus. Sesuai dengan usaha Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi melahirkan ahli politik yang jujur dan amanah, maka Tun Dr. Ismail harus dijadikan contoh teladan.

Walaupun pengarang dan Tun Dr. Ismail sudah tiada lagi di dunia ini, saya harap tulisan ini tetap menjadi rujukan, seperti mana yang dijelaskan oleh arwah pengarang bahawa sejarah tidak harus melupakan jasa tokoh yang besar. Pembangunan fizikal dan pencakar langit mudah dibina tetapi pembentukan insan kamil sentiasa dan berpanjangan sukar. Masalah kegagalan pembentukan insan dan kepimpinan yang lemah merupakan isu utama negara kita pada masa kini.

Setiap ahli politik bukan saja harus membaca buku ini sebagai karya sastera yang menghiburkan tetapi segala tindak-tanduk baik yang ditonjolkan harus dijelmakan dalam perwatakan mereka sebagai pemimpin rakyat. Pemimpin bukan saja harus bersih pada wajah mereka tetapi patut dicerminkan melalui perwatakan mereka. Perwatakan Tun Dr. Ismail dapat dilihat pada kejujuran dan ketegasan beliau dalam melaksanakan sesuatu tugas.

Saya juga mengakui bahawa kajian yang dikemukakan dalam buku ini boleh dikembangkan secara lebih mendalam lagi. Diharap buku ini telah merintis jalan kepada kajian lanjutan tentang tokoh terbilang ini.

Pada kesempatan ini saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Profesor Datuk Dr. Ramlah Adam kerana sudi menulis Kata Pengantar terhadap sifat dan usaha gigih pengarang. Tidak lupa juga penghargaan kepada sahabat saya, Tuan Hj. Mohd Nasir Ali (Pengarah Eksekutif Kumpulan Utusan Melayu) yang telah memberikan dorongan dan semangat kepada saya untuk meneruskan usaha menerbitkan buku ini. Juga ribuan terima kasih kepada editor, Norashikin Muhamad Nor di atas sifat konsistennya untuk memastikan penerbitan buku ini berada dalam tahap yang terbaik.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai Arkib Negara, sahabat-sahabat, semua ahli keluarga saya dan semua pihak yang telah membantu saya secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan penerbitan buku ini. Akhir kata apa jua kesilapan dalam buku ini menjadi tanggungjawab saya sepenuhnya bagi pihak Allahyarhamah isteri saya.

*Profesor Madya Dr. Hassanuddeen Abd. Aziz
Kulliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan
Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.*

Kata Pengantar

Allahyarham Tun Dr. Ismail, seorang negarawan yang telah bersama-sama membina negara Malaysia. Beliau merupakan salah seorang daripada tokoh-tokoh awal yang telah berusaha mendapatkan kemerdekaan negara. Sayangnya, peredaran masa telah menyebabkan generasi hari ini tidak lagi mengenali beliau. Oleh itu, penerbitan buku ini adalah amat wajar sekali.

Dengan penerbitan buku ini, bukan sahaja generasi hari ini akan dapat membaca mengenai peranan dan sumbangan beliau kepada negara tetapi juga dapat menghayati sejarah pembinaan negara Malaysia itu sendiri. Generasi muda juga akan sedar bahawa apa yang ada hari ini bukanlah tercipta dengan sendiri. Kerja kuat orang yang terdahulu seperti Tun Dr. Ismail adalah katalis atau penjana kejayaan hari ini.

Tentunya kita hari ini lebih maju dan akan terus mendokong pembangunan negara ini, namun kita tidak boleh berdiri tegap jika tempat berdiri tidak kukuh struktur dan pengisiannya. Tanah yang dipijak jika lembik dan berselut, tentulah mereka yang berdiri di atasnya akan goyah dan tenggelam. Oleh itu penghargaan kepada generasi lama dan tokoh seperti Tun Dr. Ismail amat kena pada

tempatnya. Rasa terima kasih dan terhutang budi kepada mereka patut dipamerkan dengan mengingati mereka melalui penulisan seperti buku ini.

Pengarang buku ini juga telah meninggalkan kita. Allahyarhamah adalah bekas pelajar saya yang amat disenangi sama ada keramahannya, kerjasama dengan kawan-kawannya dan ketekunannya menimba ilmu. Beliau dan kawan-kawannya merupakan kumpulan pelajar saya yang amat cergas dalam perbincangan dan memberi pendapat. Saya sentiasa ingat kumpulan mereka sebagai kumpulan yang cerdik dan cergas. Saya seronok mengajar dan berbincang dengan mereka. Oleh itu, saya tidak pernah lupa pada Thajunnisa. Wajahnya yang sentiasa tersenyum tetap terbayang di mata saya. Semoga Allah sentiasa mencucuri rahmat ke atas rohnya.

Usaha suaminya membukukan latihan ilmiah peninggalan Allahyarhamah Thajunnisa adalah tanda kasih dan cinta yang mendalam di hatinya. Kasih sayang Dr. Hassanuddeen kepada Allahyarhamah memberi manfaat kepada kita semua. Budi baik pihak Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd menerbitkan buku ini juga adalah tanda penghargaan kepada Allahyarhamah yang telah meninggalkan sebuah karya untuk tatapan generasi hari ini.

Inilah yang dikatakan "harimau mati meninggalkan belang, manusia mati meninggalkan nama". Nama Tun Dr. Ismail sebagai negarawan tetap terpahat dalam sejarah bangsa dan negara. Nama Puan Thajunnisa Mohamad Ibrahim pula tetap dikenang sebagai penulis biografi Tun Dr. Ismail Abdul Rahman. Bahkan buku ini akan terus dibaca dan memberi manfaat kepada persada ilmu sejarah politik negara. Kedua-dua mereka meninggalkan nama walaupun dalam peranan yang berbeza. Walau apa pun keadaannya, mereka telah menyumbang bakti dan berjasa kepada kita semua. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh mereka. "Daripada tanah kita datang, kepada tanah kita kembali". Maha besar Allah S.W.T yang mencipta kita.

KATA PENGANTAR

Marilah kita hadiahkan sekalung al-Fatihah kepada Allah-yarhamah sebagai tanda ingatan.

Wassalam.

*Profesor Datuk Dr. Ramlah Adam
Jabatan Sejarah,
Fakulti Sastera dan Sains Sosial,
Universiti Malaya,
Kuala Lumpur.
17 Februari 2004.*

Pengenalan

TUN Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman merupakan seorang tokoh negara yang tidak kurang pentingnya dalam sejarah Malaysia sama ada sebagai seorang pemimpin negara ataupun seorang ahli politik. Walau bagaimanapun kajian ini tidak bertujuan menekankan peranan beliau sebagai seorang ahli politik. Ia lebih berupa sebuah biografi yang memaparkan tentang sejarah hidup Tun Dr. Ismail sebagai seorang doktor, seorang ahli politik dan seterusnya menjadi menteri dalam kerajaan. Justeru kajian ini dinamakan "Riwayat Hidup Tun Dr. Ismail" yang dibincangkan dalam enam bab.

Bab Pertama merupakan bab pendahuluan dan merupakan satu huraian menyeluruh tentang beberapa perkara yang berkaitan dalam menyiapkan kajian ini. Sebagai pengenalan kepada tajuk ini penulis menghuraikan sedikit latar belakang tokoh yang dikaji dan peranannya dalam sejarah Malaysia. Di samping itu, penulis juga membincangkan tujuan kajian ini dijalankan, kaedah yang digunakan serta masalah-masalah yang dihadapi oleh penulis sepanjang kajian dibuat.

Dalam Bab Kedua perbincangan merangkumi latar belakang tokoh, keluarganya dan juga sikap serta perwatakan tokoh sama ada sebagai rakyat biasa mahupun pemimpin. Tun Dr. Ismail

dilahirkan dalam keluarga yang mempunyai pengaruh di kalangan masyarakat. Bapanya, Dato' Abdul Rahman merupakan bekas pegawai kanan kerajaan Johor yang mempunyai banyak pengalaman. Pendidikan yang diterima oleh Tun Dr. Ismail meliputi pendidikan dalam dan luar negara. Beliau merupakan anak Melayu pertama yang lulus ijazah kedoktoran dari Universiti Melbourne, Australia. Hasil didikan yang diterima dalam keluarga telah menjadikan beliau seorang yang patuh kepada disiplin hidup. Sikap dan perwatakan memperlihatkan beliau seorang yang tegas dan berani.

Tun Dr. Ismail juga dikenali sebagai seorang ahli politik. Maka peranan dan sumbangan beliau dalam arena politik dibincangkan dalam Bab Ketiga kajian ini. Tun Dr. Ismail mula bersifat aktif sebagai seorang ahli politik pada tahun 1948 apabila beliau dipilih sebagai anggota bebas Dewan Undangan Negeri Johor. Walau bagaimanapun penglibatan aktif beliau hanya bermula pada tahun 1951 apabila beliau menjadi ahli UMNO. Seterusnya peranan beliau menjadi lebih penting apabila dipilih oleh Tunku Abdul Rahman untuk berkhidmat dalam kabinet British. Pada tahap-tahap seterusnya Tun Dr. Ismail turut memainkan peranan penting dalam proses ke arah mencapai kemerdekaan negara seperti membentuk Perikatan UMNO-MCA, pilihan raya dan seterusnya beliau turut bersama-sama rombongan Tunku Abdul Rahman ke London untuk berunding tentang kemerdekaan Tanah Melayu.

Seterusnya dalam Bab Keempat penulis menyentuh tentang peranan yang dimainkan oleh Tun Dr. Ismail selepas kemerdekaan Tanah Melayu dicapai terutamanya beliau turut memberi sumbangan bagi mengisi kemerdekaan itu. Tun Dr. Ismail telah turut dilantik sebagai menteri dalam kabinet pertama selepas kemerdekaan yang dibentuk oleh Tunku Abdul Rahman. Beliau kemudian telah memegang pelbagai jawatan-jawatan penting dalam kerajaan. Antara jawatan-jawatan tersebut ialah sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman. Tun Dr. Ismail juga merupakan

wakil tetap Persekutuan Tanah Melayu dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di samping menjadi duta negara ke Amerika Syarikat. Beliau pernah meletakkan jawatan sebagai menteri disebabkan masalah kesihatan. Namun begitu apabila Peristiwa 13 Mei meletus beliau kembali memberikan khidmat kepada negara sehingga akhir hayatnya.

Dalam Bab Kelima, penulis menghuraikan dan memberikan sedikit analisis tentang sikap dan pandangan Tun Dr. Ismail terhadap soal-soal politik, ekonomi dan sosial. Sebagai ahli politik Tun Dr. Ismail mempunyai keyakinan terhadap masa depan negara dan parti yang memerintah. Beliau percaya kepada konsep perpaduan antara kaum yang dirasakan penting bagi mewujudkan negara yang aman dan makmur. Pandangan beliau terhadap soal-soal ekonomi dan keselamatan negara menggambarkan beliau seorang pemimpin yang berpandangan jauh.

Akhir sekali dalam Bab Keenam penulis membincangkan jasa-jasa Tun Dr. Ismail sepanjang hayatnya. Tun Dr. Ismail telah meninggal dunia pada 2 Ogos 1973. Sebagai menghormati dan menghargai sumbangan beliau maka jenazahnya dikebumikan di Makam Pahlawan Negara. Beliau merupakan pemimpin negara yang pertama disemadikan di makam tersebut. Ketokohan beliau sebagai pemimpin dan ahli politik mendapat pengiktirafan dan penghargaan di kalangan pemimpin-pemimpin dalam negeri dan luar negeri. Ini dapat dibuktikan melalui pingat-pingat yang telah dianugerahkan kepada beliau semasa hayatnya.

Melalui penyusunan dan huraian seperti ini diharapkan ia dapat memberikan pemahaman terhadap riwayat hidup Tun Dr. Ismail. Justeru, beliau dapat diterima sebagai seorang tokoh yang penting dalam sejarah Malaysia. Walau bagaimanapun ketidak sempurnaan yang lahir daripada penulisan ini sememangnya merupakan kelemahan penulis sendiri.

Penghargaan

Syukur ke hadrat Ilahi kerana penulisan ini dapat disiapkan. Walaupun menghadapi pelbagai masalah dan kesukaran, dengan izin Allah segalanya dapat diatasi.

Justeru penulis ingin mengambil kesempatan di ruangan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan membantu penulis sepanjang kajian ini dibuat.

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada penyelia latihan ilmiah ini, Puan Ramlah Adam (kini Profesor Datuk Dr. Ramlah Adam). Beliau telah banyak membantu dan memberi tunjuk ajar kepada penulis dalam usaha menyempurnakan latihan ilmiah ini. Tanpa tunjuk ajar beliau, tentulah sukar bagi diri penulis menghasilkan penulisan seperti ini. Penulis sangat menghargai sikap kerjasama beliau yang sentiasa bersedia untuk ditemui dan sudi membetulkan sebarang kesilapan yang timbul walaupun beliau sendiri sibuk dengan urusan-urusan lain.

Tidak ketinggalan juga ucapan terima kasih kepada Encik Taufik bin Tun Dr. Ismail yang telah sudi untuk ditemui dan seterusnya memberikan kerjasama bagi penulis menghasilkan latihan ilmiah

ini. Beliau bersedia memberikan kerjasama dari segi memberi butir-butir diri Tun Dr. Ismail dan bahan-bahan yang berkaitan.

Penulis juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih kepada ahli-ahli keluarga khususnya ayah, ibu dan kakak yang sentiasa memberi bantuan dan semangat.

Ucapan terima kasih juga kepada semua kakitangan di Arkib Negara, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negara dan pihak Radio Televisyen Malaysia atas kerjasama yang telah diberikan.

Akhir sekali, penulis mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih atas kesudian Puan Habibah Abu Bakar yang bersedia membantu menyiapkan latihan ini walaupun pada saat-saat akhir.

Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang turut memberikan kerjasama kepada penulis serta sesiapa jua yang turut membantu menyiapkan latihan ini, terima kasih diucapkan.

Sekian.

THAJUNNISA MOHAMED IBRAHIM

Kandungan

<i>Dedikasi</i>	v
<i>Dalam Ingatan</i>	vii
<i>Kata Pengantar</i>	xi
<i>Pengenalan</i>	xv
<i>Penghargaan</i>	xix
<i>Kandungan</i>	xxi
BAB 1: PENDAHULUAN	1
BAB 2: LATAR BELAKANG DAN PERIBADI TUN DR.	
ISMAIL	4
Kelahiran dan Latar Belakang Keluarga	4
Pendidikan	5
Perkhidmatan Awal	8
Alam Rumah Tangga	9
Sikap dan Perwatakan	11
BAB 3: PENGLIBATAN DAN PERANAN DALAM	
POLITIK	16
Penglibatan Awal Dalam Politik UMNO 1951	16
Sistem Ahli 1951	20

Rundingan Membentuk Perikatan UMNO-MCA	22
Pilihan Raya Persekutuan 1955	23
Rundingan-rundingan Kemerdekaan	26
BAB 4: PERANAN SELEPAS KEMERDEKAAN TANAH MELAYU	30
Tun Dr. Ismail sebagai Menteri Kerajaan	30
Perletakan Jawatan Tun Dr. Ismail	36
Berkhidmat Semula Hingga Akhir Hayat	38
BAB 5: SIKAP DAN PANDANGAN TUN DR. ISMAIL: SATU ANALISIS	46
Pemimpin Tegas dan Optimis	46
Konsep Berbilang Kaum	51
Pandangan Terhadap Belia dan Golongan Pelajar	52
Keselamatan dan Ekonomi Negara	54
Hubungan Antarabangsa dan Dasar Luar Negeri	57
BAB 6: PENUTUP	62
Tun Dr. Ismail Tinggalkan Jasa	62
Kesimpulan	66
<i>Lampiran I</i>	70
<i>Lampiran II</i>	81
<i>Lampiran III</i>	89
<i>Bibliografi</i>	96
<i>Biodata</i>	99

1 Pendahuluan

Sehingga waktu ini masih tidak terdapat suatu bentuk penulisan yang khusus tentang riwayat hidup Allahyarham Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman yang merupakan bekas Timbalan Perdana Menteri yang kedua bagi Malaysia.

Allahyarham Tun Dr. Ismail dikenali di kalangan pemimpin serta tokoh-tokoh politik tanah air sebagai seorang pemimpin yang tegas dan mempunyai pendirian yang kukuh. Beliau kaya dengan fikiran yang bernes berkaitan bidang politik, bidang ekonomi dan juga sosial.

Jasa-jasa yang beliau telah curahkan semasa hayatnya amatlah bernilai untuk dikenang oleh generasi hari ini dan akan datang. Sifat dan pendirian yang tegas dalam menjalankan tugas merupakan keistimewaan yang terdapat pada diri beliau yang ditonjolkan melalui ucapan-ucapan dan tindakan-tindakannya sebagai seorang pemimpin.

Ketokohan Tun Dr. Ismail sebagai ahli politik bermula sejak zaman sebelum kemerdekaan. Beliau telah memainkan peranan yang tidak kurang pentingnya dalam proses mencapai kemerdekaan bagi Tanah Melayu. Walaupun beliau mungkin tidak disenangi kerana sikapnya yang tegas dan berterus terang di kalangan rakyat, Tun Dr. Ismail tetap dihormati sebagai seorang negarawan yang berjasa. Mungkin ramai yang tidak menyedari bahawa Tun Dr.

Ismail turut terlibat dalam rundingan bagi menuntut kemerdekaan bersama-sama Tunku Abdul Rahman. Seterusnya apabila Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Ismail turut berganding bahu dalam usaha membentuk dan membina sebuah negara yang aman dan makmur.

Justeru huraian tentang riwayat hidup Tun Dr. Ismail yang ditulis secara kronologis akan dapat menjelaskan tentang ketokohan dan sumbangan allahyarham dalam sejarah tanah air.

Tulisan ini bertujuan mendedahkan kepada umum tentang peranan dan penglibatan Allahyarham Tun Dr. Ismail dalam sejarah politik Malaysia. Dengan adanya tulisan tentang riwayat hidup beliau, adalah diharapkan nama Tun Dr. Ismail tidak tenggelam dalam lipatan sejarah. Selain itu, keperibadian, pendirian serta idea-idea politik beliau dapat dijadikan sebagai teladan dan panduan dalam membina ciri-ciri kepimpinan, dan dalam menghadapi masalah-masalah negara.

Skop kajian ini tidak begitu luas. Penulis tidak mengkhususkan aspek-aspek tertentu berkaitan penglibatan beliau dalam bidang politik.

Kajian ini meliputi kelahiran beliau dalam tahun 1915 sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 1973. Turut diteliti ialah latar belakang Tun Dr. Ismail, termasuk keluarganya bagi memperlihatkan bagaimana pengaruh mereka membantu beliau dalam kegiatannya.

Tahap awal penglibatan Tun Dr. Ismail dalam politik, iaitu pada tahun 1948 merupakan permulaan kajian mengenai riwayat hidup beliau sebagai ahli politik. Penglibatan Tun Dr. Ismail dalam arena tersebut merangkumi zaman sebelum kemerdekaan sehinggalah zaman selepas kemerdekaaan.

Peringkat-peringkat politik yang beliau ceburi dikaji secara kronologis. Walau bagaimanapun, perlu disebutkan dalam tiap-tiap peringkat ini mungkin terdapat sedikit sebanyak kekurangan mengenai kegiatan beliau. Ini berlaku kerana kurangnya bahan dan

kajian berkaitan peranan Tun Dr. Ismail dalam sejarah politik Melayisia.

Kaedah kajian ini adalah dengan menggunakan kedua-dua bahan, primer dan sekunder, di samping temu bual.

Walau bagaimanapun, mungkin terdapat bahan-bahan atau sumber-sumber yang tidak digunakan oleh penulis dalam menghasilkan penulisan ini. Penulis mengakui ini terjadi kerana kelemahan dan kesilapan yang tidak disengajakan.

Penulis telah cuba mendapatkan bahan-bahan sekunder dan primer seberapa banyak yang boleh. Bahan-bahan itu didapati daripada akhbar, majalah, buku, dan catatan-catatan yang diperoleh dari Arkib Negara, Perpustakaan Negara Melayisia, Perpustakaan Universiti Melaya, dan Radio Televisyen Melayisia.

Di samping itu, temu bual telah diadakan dengan Yang Berhormat Taufik bin Ismail, anak sulung Allahyarham Tun Dr. Ismail. Beliau kini menjadi wakil rakyat kawasan Benut, Johor Bahru. Temu bual tersebut dijalankan di pejabatnya di Bangunan PEREMBA, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur.

Masalah utama yang dihadapi dalam melaksanakan kajian ini ialah kekurangan bahan. Dalam pemerhatian penulis tidak ada sebarang tulisan yang lengkap tentang tokoh ini. Kalau ada pun hanyalah berupa catatan-catatan ringkas tentang riwayat hidup beliau yang diterbitkan oleh Arkib Negara. Selain itu, maklumat "terselit" dalam buku-buku yang dihasilkan oleh beberapa penulis.

Data-data yang dikemukakan dalam majalah dan buku kebanyakannya hanya memberi pandangan tentang pemikiran-pemikiran beliau. Tidak ada penerangan lengkap tentang peranan beliau dalam sejarah negara.

Walaupun Tun Dr. Ismail pernah menulis sebuah autobiografi, karya itu tidak dapat dijadikan rujukan. Karya tersebut masih merupakan bahan sulit dan tidak dapat diterbitkan sehingga ke tempoh tertentu kerana boleh menyinggung individu yang masih hidup atau organisasi. Masalah lain ialah kesukaran menghubungi mereka yang rapat dengan beliau.

Latar Belakang dan Peribadi Tun Dr. Ismail

KELAHIRAN DAN LATAR BELAKANG KELUARGA

Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman dilahirkan pada 4 November 1915 di Bandar Johor Bahru.¹ Beliau adalah anak kepada sebuah keluarga Melayu berketurunan Bugis. Bapa beliau, Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yassin ialah bekas pegawai perkhidmatan awam kerajaan Johor dan juga merupakan mantan Presiden Dewan Negara yang pertama. Ibu beliau, Zaharah binti Abu Bakar meninggal dunia sewaktu Tun Dr. Ismail berumur sembilan tahun. Oleh itu, perhubungan beliau dengan ibunya tidak jelas dalam ingatan² beliau.

Jika dilihat latar belakang kehidupan beliau, Tun Dr. Ismail dilahirkan dalam keluarga yang kaya dan mewah. Bapanya berketurunan Orang Kaya Muar. Oleh itu keluarga ini mempunyai pengaruh di kalangan masyarakat sekeliling dan disanjungi serta dihormati. Darah Bugis yang mengalir dalam tubuh mereka ternyata membawa penghormatan kepada keluarga Dato' Abdul Rahman.³

Bapa beliau, Dato' Abdul Rahman berasal dari Parit Abu Bakar, Muar. Jika dilihat salasilah keluarganya, beliau berketurunan Bugis yang berasal dari kerabat Raja Chempa Bugis yang berkerajaan di daerah Bukit Mor, Muar.* Raja Chempa Bugis dikatakan mempunyai

dua orang putera. Putera pertama bernama Daeng Seriok dan putera kedua bernama Daeng Indera Perma. Keturunan Indera Perma membawa kepada kelahiran bapa Tun Dr. Ismail, Dato' Abdul Rahman. Oleh itu, adalah jelas bahawa Tun Dr. Ismail mempunyai warisan keturunan Bugis.⁵

PENDIDIKAN

Tun Dr. Ismail dilahirkan dalam sebuah keluarga yang berpelajaran. Oleh itu, tidak hairanlah beliau menerima pendidikan yang tinggi. Bapa beliau mempunyai pendirian yang tegas tentang pelajaran. Beliau mempunyai disiplin dalam membentuk peribadi anak-anaknya. Menurut pandangan Dato' Abdul Rahman, cara yang terbaik untuk membahagiakan masa depan anak-anaknya adalah dengan pelajaran yang sempurna. Maka itulah anak-anaknya mendapat didikan dan pelajaran yang terbaik.⁶

Oleh itu, tidak hairanlah semua anak Dato' Abdul Rahman mendapat pendidikan peringkat tinggi dan seterusnya memegang jawatan yang baik.⁷

Tun Dr. Ismail mempunyai lapan orang adik-beradik serta lapan orang adik angkat.⁸

Sebagaimana dengan adik-beradik yang lain, beliau juga tidak ketinggalan mendapat pelajaran akademik di peringkat tinggi. Beliau telah menerima pendidikan rendah di English College, Johor Bahru dan kemudian meneruskan pelajaran menengah di peringkat tinggi di Kolej Perubatan King Edward VII di Singapura.⁹

Walaupun Tun Dr. Ismail belajar di sebuah kolej perubatan yang mana lebih menumpukan kepada bidang sains, malangnya beliau tidak dapat menguasai bidang sains dengan mahir. Akibatnya beliau telah gagal dalam peperiksaan akhir di kolej tersebut. Namun begitu, kegagalan yang dialami tidak mematahkan semangatnya untuk meneruskan pelajaran dalam bidang perubatan. Tambahan lagi

beliau sentiasa mendapat dorongan dan semangat daripada bapanya agar melanjutkan pengajiannya.



Tun Dr. Ismail (berdiri kanan sekali) bersama ibu bapa dan adik beradiknya yang lain.

Bagi memenuhi kehendak cita-cita dan kehendak keluarga Tun Dr. Ismail telah meneruskan pelajaran dalam bidang perubatan di luar negeri. Beliau telah dihantar oleh bapanya untuk belajar di Universiti Melbourne, Australia pada tahun 1939.¹⁰

Semasa menuntut di Australia, Tun Dr. Ismail pernah mengalami pelbagai peristiwa pahit. Hubungan antara beliau dan keluarganya pernah terputus buat seketika sewaktu Perang Pasifik sedang memuncak. Beliau juga telah terkandas di Australia dan tidak dapat pulang ke tanah air setelah tamat belajar kerana pada masa itu Tanah Melayu diduduki oleh tentera Jepun.¹¹

Walaupun menghadapi pelbagai kesulitan dan dugaan, ia tidak menghalang semangat Tun Dr. Ismail untuk mencapai kejayaan. Ini terbukti apabila beliau kemudiannya telah berjaya dalam peperiksaan akhir di Universiti Melbourne pada tahun 1945.

SALASILAH KETURUNAN KELUARGA



Sumber: Zainal Abidin Alias, Tan Sri Haji Mohd. Noah, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 17.

Malahan beliau juga adalah anak Melayu pertama yang berjaya mendapat ijazah perubatan dari Universiti Melbourne.¹²

Ini jelas terbukti bahawa kegagalan yang pernah dialami oleh Tun Dr. Ismail sewaktu menuntut di Singapura tidak melemahkan semangat beliau untuk mencapai cita-cita. Kejayaan memperoleh ijazah perubatan di Australia menunjukkan beliau mempunyai pendirian hidup yang kukuh dan sanggup menghadapi kesusahan demi untuk berjaya.

Setelah mendapat ijazah di Australia, beliau tidak terus kembali ke tanah air berikutan dengan pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Untuk mengisi masa di Australia, beliau telah berkhidmat di hospital tentera dalam angkatan bersenjata Australia.¹³

PERKHIDMATAN AWAL

Tun Dr. Ismail pulang ke tanah air pada tahun 1947. Beliau telah memulakan tugasnya di Jabatan Perubatan Johor Bahru. Walau bagaimanapun, beliau kemudiannya merasakan bahawa tugasnya di Jabatan Perubatan tidak serasi dengan dirinya dan meninggalkan tugasnya di sana. Untuk menampung hidupnya, Tun Dr. Ismail membuka klinik sendiri di Johor Bahru yang dinamakan sebagai "Tawakkal".¹⁴

Perkhidmatannya sebagai seorang doktor persendirian berlangsung selama 7 tahun iaitu pada tahun 1947 hingga tahun 1953. Sepanjang perkhidmatannya, beliau telah menjalankan tugas memberikan khidmat dan bakti kepada masyarakat. Beliau membuka klinik sendiri kerana memikirkan pada masa tersebut bilangan orang Melayu yang menceburkan diri dalam sektor persendirian adalah sangat sedikit.¹⁵

Sebagai seorang doktor muda, Tun Dr. Ismail bolehlah dikatakan telah berjaya dalam kerjaya yang diceburinya. Beliau tidak banyak menghadapi masalah khususnya masalah kewangan kerana sambutan yang diterima daripada orang Melayu amat menggalak-

kan. Tambahan pula bidang perubatan moden sudah mula mendapat tempat pada ketika itu.

Apabila berhadapan dengan pesakit, beliau sebenarnya adalah seorang yang tegas. Kadangkala, hal ini meninggalkan kesan kepada pesakit-pesakit yang merasa takut untuk mendapat rawatan daripada Tun Dr. Ismail. Sememangnya, sifat tegas merupakan sifat semula jadi yang dimiliki oleh Tun Dr. Ismail. Dalam banyak hal, beliau lebih berhati-hati dan meletakkan disiplin sebagai perkara utama. Tidak hairanlah dalam menjalankan tugas beliau berusaha memberikan perkhidmatan yang terbaik dan sempurna, dan berusaha mengkaji secara terperinci penyakit para pesakitnya bagi menentukan rawatan yang akan diberikan.¹⁶

Masyarakat mengenali beliau sebagai seorang doktor yang mengambil berat tentang pesakit dan beliau sentiasa berhati-hati dalam memberikan rawatan. Sudah menjadi kebiasaan, beliau tidak akan memberitahu penyakit yang dialami oleh pesakitnya melainkan setelah dirawat dengan teliti dan sempurna.¹⁷

ALAM RUMAH TANGGA

Tun Dr. Ismail telah mendirikan rumah tangga dengan Norashikin binti Dato' Mohd. Seth,¹⁸ (kemudiannya bergelar Toh Puan). Dato' Mohd. Seth adalah bekas pegawai kanan kerajaan Johor dan merupakan seorang yang berpengaruh. Ini memperlihatkan bahawa Tun Dr. Ismail mengahwini anak kepada seorang yang mempunyai pengaruh dalam politik. Hal ini mungkin memberikan manfaat atau membuka jalan bagi penglibatannya dalam politik.

Hasil perkahwinan tersebut, mereka telah dikurniakan seramai enam orang anak iaitu empat orang lelaki dan dua orang perempuan.¹⁹ Salah seorang ialah Mohd. Taufik bin Ismail pernah menjadi wakil rakyat kawasan Benut, Johor Bahru pada 1986 hingga 1990.

Dalam keluarganya, Tun Dr. Ismail merupakan seorang ayah yang dihormati oleh anak-anaknya walaupun beliau bersikap tegas



Tun Dr. Ismail bersama isteri, Toh Puan Norashikin bt. Dato' Mohd Seth.

terhadap anak-anak. Seperti mana bapanya, Tun Dr. Ismail juga meletakkan disiplin sebagai keutamaan dalam mendidik anak-anak agar menjadi orang yang berguna. Walaupun beliau tegas, sifat-sifat penyayang sebagai seorang ayah tetap ada terutama kepada anak bongsunya.²⁰

Beliau mewarisi pegangan ayahnya Dato' Abdul Rahman yang mementingkan pelajaran. Tun Dr. Ismail juga mengambil berat tentang pelajaran anak-anak. Beliau mencontohi sikap bapanya yang berusaha memberikan pelajaran peringkat tertinggi kepada anak-anaknya. Tun Dr. Ismail mempunyai pendirian bahawa pelajaran adalah sebagai hadiah yang tidak ternilai untuk diberikan kepada anak-anak.²¹

Di samping memastikan anak-anak mendapat pelajaran yang sempurna dan tinggi, beliau juga memastikan mereka mempunyai disiplin dalam hidup. Oleh itu untuk melaksanakan apa yang ditekakkannya maka anak-anak beliau diwajibkan bangun pada awal pagi untuk bersarapan bersama-sama dengannya. Mereka juga dimestikan menghafal jadual sifir²² (*multiplication table*).

Walaupun pelajaran akademik dipentingkan, ini tidak bermakna pelajaran agama diabaikan. Tun Dr. Ismail memastikan anak-anaknya turut menerima pelajaran dan didikan agama yang sempurna. Oleh itu seorang guru agama dijemput ke rumahnya untuk mengajar hukum-hukum agama. Cara ini bersesuaian dengan sifat beliau yang warak.²³

SIKAP DAN PERWATAKAN

Watak tegas dan berterus terang yang diperlihatkan dalam menjalankan tugas sehari-hari menjadikan Tun Dr. Ismail seorang yang dikenali ramai. Mereka yang mengenali diri beliau sama ada sebagai manusia biasa atau sebagai pemimpin umumnya mengakui bahawa beliau seorang yang serius dalam hidupnya. Beliau dikatakan lebih banyak bekerja dan kurang bercakap. Dengan air mukanya yang sentiasa serius, memang mudahlah orang mentafsirkan bahawa beliau sompong dan garang. Tetapi setelah mengenali beliau dengan lebih dekat seseorang akan menyedari beliau mempunyai prinsip tersendiri dan seorang yang berdisiplin. Apabila membuat sesuatu keputusan beliau tidak akan berpatah balik. Kata-katanya adalah keputusannya. Sifat-sifat ini menonjolkan suatu keistimewaan kepada Tun Dr. Ismail.²⁴

Apabila memberikan pendapat tentang sesuatu hal Tun Dr. Ismail tegas dan berucap dengan penuh berhati-hati. Dalam banyak hal, beliau berani berterus terang sama ada kepada kawan ataupun lawan.

Sebagai seorang pemimpin, beliau cuba mengelakkan sikap pilih kasih. Ini terbukti apabila setiausaha sulitnya, Encik Zawawi Mahmuddin pernah meminta pertolongan beliau untuk mendapatkan pekerjaan untuk seorang rakan. Tetapi dalam hal ini Tun Dr. Ismail dengan tegas telah berkata:

"Tak adil saya menolong seorang sedangkan 10 juta orang penduduk memerlukan pertolongan. Saya tidak terdaya hendak menolong semua jadi saya tidak dapat menolong seorang."²⁵

Kata-kata beliau ini menunjukkan beliau tidak cuba menggunakan kedudukannya untuk mendapat pengaruh. Jika dirasakan sesuatu perkara itu tidak dapat beliau laksanakan maka beliau akan berterus terang.

Tun Dr. Ismail juga mementingkan ketepatan masa apabila menjalankan urusan. Setiap perkara yang hendak dilakukannya mempunyai perancangan yang teliti. Jika menghadiri sesuatu majlis yang memerlukan beliau berucap maka beliau hendak mengetahui para tetamu yang akan hadir di majlis tersebut terlebih dahulu dan orang yang akan berucap selepasnya atau sebelumnya.

Walau bagaimanapun ini tidak bererti Tun Dr. Ismail seorang yang cerewet. Tetapi setiap perkara yang dilakukannya merupakan sifat-sifat semula jadi dirinya. Disiplin merupakan satu faktor penting bagi diri beliau dalam menjalankan tugas dengan penuh tanggungjawab.

Di kalangan mereka yang pernah berkhidmat dengannya, Tun Dr. Ismail dihormati dan disanjungi kerana sikapnya yang tidak memandang darjah. Beliau bergaul dengan semua golongan sama ada kaya atau miskin tanpa mengira bangsa dan agama. Mereka yang mengenali diri beliau dapat menilai sifat-sifat peribadi Tun Dr. Ismail walaupun terdapat gambaran-gambaran buruk tentangnya.²⁶

Kebanyakan mereka yang mengenali Tun Dr. Ismail dengan lebih dekat menyedari beliau seorang yang baik dan bertimbang rasa.

Cerita-cerita negatif yang timbul tentang dirinya hanyalah kerana beliau seorang yang sukar untuk memberikan senyuman. Ketawa dan guraunya hanya dapat dilihat di majlis-majlis yang bertujuan untuk hiburan saja.²⁷

Menurut Setiausaha Akhbar Tun Dr. Ismail, Encik Wahab Majidi, Tun Dr. Ismail adalah seorang ketua yang sentiasa mengambil berat tentang pekerjanya.²⁸ Tidak susah untuk berkhidmat dengan beliau kerana beliau pandai mengambil hati dan melayan kehendak mereka yang berkhidmat dengannya.²⁹

Tun Dr. Ismail juga dikatakan mudah berurusan dengan para wartawan. Beliau senang memahami tingkah laku wartawan dan jarang sekali menghamparkan mereka kecuali jika terdapat hal-hal yang tidak dapat dielakkan. Apabila mengadakan pertemuan dengan wartawan beliau cuba menghidupkan suasana.³⁰

Sebagai seorang ketua, Tun Dr. Ismail merupakan seorang pemimpin yang jujur dan bersedia menjaga kepentingan orang bawahannya. Ini diakui oleh juruiring dan Pegawai Perhubungan Polis beliau iaitu D.S.P. Yahya.³¹ Beliau mengatakan walaupun Tun Dr. Ismail sibuk dengan tugas-tugas negara, beliau sentiasa mengambil tahu masalah-masalah yang dihadapi oleh kaki-tangannya.

Memang tidak dapat dinafikan sebagai seorang manusia biasa, Tun Dr. Ismail mempunyai kegemaran yang tertentu. Beliau merupakan seorang peminat sukan khasnya permainan bola sepak. Jika ada kelapangan, beliau tidak ketinggalan menonton pertandingan bola sepak. Di samping itu beliau juga minat bermain golf dan berenang.³²

Dilihat daripada latar belakang keluarga beliau, jelaslah Tun Dr. Ismail berpengaruh di kalangan masyarakat khasnya di Johor. Darah Bugis yang mengalir di tubuh beliau menjadikan beliau dipandang tinggi oleh masyarakat. Tambahan pula, ayahnya yang berketurunan orang kaya itu turut menjadi faktor bagi kejayaan-kejayaan yang dikehendaki oleh Tun Dr. Ismail.

Latar belakang dan didikan yang telah diterima selama ini daripada bapa menjadikan Tun Dr. Ismail sebagai seorang yang tegas dan berani. Disiplin yang kuat melahirkan suatu sifat terpuji pada dirinya. Ternyata Tun Dr. Ismail mempunyai peribadi dan sifat-sifat yang wajar disanjungi dan dihormati. Sikapnya yang tegas menjadikan Tun Dr. Ismail seorang yang terkenal di kalangan tokoh-tokoh politik tanah air.

Nota Hujung:

- 1 *Berita Harian*, 4 Ogos 1973.
- 2 Wawancara dengan Yang Berhormat Encik Taufik bin Tun Dr Ismail, di Bangunan PEREMBA, Kuala Lumpur, 12 November 1986, jam 10.00 pagi. Beliau ialah anak sulung Tun Dr Ismail. Sekarang beliau merupakan wakil rakyat kawasan Benut, Johor.
- 3 Ibid.
- 4 Zainal Abidin Alias, Tan Sri Haji Mohamed Noah, Utusan Melayu (M) Berhad, Kuala Lumpur, 1976, hlm. 17.
- 5 Lihat salasilah keturunan keluarga di halaman 8 bab ini
- 6 *Berita Harian*, 4 Ogos 1973.
- 7 Ibid. Anak sulung Datuk Sulaiman berkelulusan undang-undang dari Universiti Cambridge dan pernah menjadi Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Australia
- 8 Wawancara dengan Yang Berhormat Encik Taufik bin Tun Dr Ismail, Bangunan PEREMBA, Kuala Lumpur, 12-11-86, jam 10.00 pagi
- 9 Abdul Majud Yusuff, *Hilangnya Seorang Patriot*, Penerbitan Knight, Kuala Lumpur, 1973, hlm. 28
- 10 Ibid
- 11 *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos, 1973
- 12 Ibid.
- 13 Tun Muhd. Sufian, Tun Dr Ismail Oration, Kongres Perubatan Malaysia-Singapura, 7 September, 1974
- 14 Wawancara dengan Yang Berhormat Encik Taufik bin Tun Dr Ismail, Bangunan PEREMBA, Kuala Lumpur, 12-11-86, jam 10.00 pagi
- 15 Tun Muhd. Sufian, *op cit*

16. Ibid.
17. Ibid
18. *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos 1973.
19. Ibid. Selain Encik Taufik anak-anak beliau ialah Zailah, Badariah, Mohd. Tarmizi, Zamakshari dan Muhamad Arif.
20. Wawancara dengan Yang Berhormat Encik Taufik bin Tun Dr. Ismail, Bangunan PEREMBA, Kuala Lumpur, 12-11-86, jam 10.00 pagi.
21. Wawancara dengan Yang Berhormat Encik Taufik bin Tun Dr. Ismail, Bangunan PEREMBA, Kuala Lumpur, 12-11-86, jam 10.00 pagi.
22. Ibid
23. Abdul Majid Yusuff, *op cit.*, hlm. 23.
24. *Berita Harian*, 6 Ogos, 1973 Lihat tulisan Tan Sri Sheikh Abdullah, "Tun yang Saya Kenali".
25. *Utusan Malaysia*, 19 Ogos 1973
26. *Berita Harian*, 6 Ogos 1973.
27. Ibid.
28. *Berita Harian*, 5 Ogos 1973.
Sikapnya ini diceritakan oleh Setiausaha Akhbar Tun Dr. Ismail, Encik Wahab Majidi. Lihat ruangan Allahyarham Tun Dr. Ismail. "Dari Kacamata Setiausaha Akhbarnya".
29. Ibid
30. *Mastika*, September 1973.
31. *Mastika*, September 1973.
32. Ibid.

8 **Penglibatan dan Peranan Dalam Politik**

PENGLIBATAN AWAL DALAM POLITIK UMNO 1951

Minat untuk menceburkan diri dalam lapangan politik wujud dalam diri Tun Dr. Ismail sejak beliau masih menuntut lagi. Dalam tempoh tersebut, beliau bergiat cergas dalam kegiatan-kegiatan pelajar khasnya dalam soal-soal kemerdekaan tanah air. Justeru apabila kembali ke tanah air setelah tamat belajar di Australia Tun Dr. Ismail telah melibatkan diri secara aktif dalam politik Tanah Melayu. Bermula dengan penglibatannya dalam Dewan Undangan Negeri Johor sehingga menjadi Timbalan Perdana Menteri, beliau telah memberi sumbangan yang tidak kurang pentingnya dalam sejarah politik Malaysia.

Tun Dr Ismail pulang ke tanah air pada tahun 1947 setelah memperoleh ijazah kedoktoran dari Universiti Melbourne, Australia. Kepulangannya di saat-saat perjuangan bangsa Melayu berada pada tahap kemuncak berikutnya dengan selesainya penentangan terhadap Malayan Union.¹

Walau bagaimanapun, Tun Dr. Ismail tidak terlibat dalam perjuangan orang Melayu menentang Malayan Union. Ini disebabkan beliau pulang ke tanah air setelah tamatnya isu Malayan Union.

Penentangan terhadap Malayan Union telah pun tamat ketika Tun Dr. Ismail kembali ke tanah air pada tahun 1947.

Penglibatan Tun Dr. Ismail dalam arena politik bermula pada tahun 1948 apabila Persekutuan Tanah Melayu ditubuhkan bagi menggantikan Malayan Union.² Di samping itu Tun Dr. Ismail pada masa itu telah pun memulakan perkhidmatannya sebagai seorang doktor dengan membuka klinik persendirian.

Di bawah perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu untuk pertama kalinya Tun Dr. Ismail dilantik sebagai anggota bebas Dewan Undangan Negeri Johor.³ Bermula dari tahap ini, beliau telah memainkan peranan yang aktif dalam politik Tanah Melayu. Namun begitu, Tun Dr. Ismail tidak menjadi ahli UMNO sehingga galah pada tahun 1951.



Pemangku Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail dan isterinya, Toh Puan Norashikin telah disambut dengan taburan beras kunyit dan di tepung tawar oleh pergerakan wanita UMNO bahagian Mersing semasa mengadakan lawatan rasmi ke daerah Mersing (29.9.1972).

Walaupun UMNO telah dibentuk pada tahun 1946, Tun Dr. Ismail tidak menjadi ahli apabila beliau pulang ke tanah air pada tahun 1947. Pada masa tersebut, Dato' Onn bin Jaafar merangkap Yang Dipertua UMNO pernah beberapa kali menawarkan agar Tun Dr. Ismail menjadi ahli UMNO tetapi tawaran Dato' Onn telah ditolak oleh beliau dengan alasan tidak mahu mencampurkan kerjayanya sebagai seorang doktor dengan politik.⁴ Ini mungkin kerana pada waktu tersebut Tun Dr. Ismail merasakan bahawa beliau perlu menguatkan dan menyediakan keperluan diri sebelum menceburkan diri dalam politik.

Di samping itu, penolakan Tun Dr. Ismail terhadap tawaran Dato' Onn untuk menjadi ahli UMNO mungkin juga disebabkan oleh alasan-alasan peribadi dan faktor perselisihan keluarga bapanya Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yasin dengan politik Johor. Dato' Abdul Rahman merupakan seorang yang banyak pengalaman dan telah lama berkhidmat dengan kerajaan Johor. Beliau telah mula berkhidmat semenjak tahun 1895 hingga tahun 1946. Oleh itu, dengan pengalaman yang begitu lama tentunya beliau mengharapkan akan mendapat kedudukan yang sesuai dalam kerajaan Johor.

Namun begitu pada tahun 1946, Dato' Onn bin Jaafar iaitu seorang yang lebih muda dan baru dalam perkhidmatan awam berbanding dengan Dato' Abdul Rahman telah dipilih menjadi Menteri Besar Johor. Ini berikutan dengan sikap Sultan Ibrahim yang lebih gemar kepada mereka yang berasal dari Teluk Belanga, Singapura sedangkan Dato' Abdul Rahman berasal dari Muar.

Kemungkinan juga sebab-sebab Dato' Abdul Rahman tidak dilantik sebagai Menteri Besar kerana beliau terlibat dalam rancangan untuk menjatuhkan sultan.⁵ Dato' Abdul Rahman adalah ketua kepada Kumpulan Orang Tujuh yang terdiri daripada Dato' Kosai, Safiah Sulaiman, Abdullah Sulaiman, Hassan Yunus, Dr. Awang Hassan dan Dato' Sulaiman yang kesemuanya berasal dari Muar. Atas sebab-sebab itu maka Sultan Ibrahim tidak melantik Dato' Abdul Rahman sebagai Menteri Besar.



Tun Dr. Ismail sedang memotong pita di perasmian pameran Jubli Perak UMNO. Gambar menunjukkan pengurus jawatankuasa pameran Dato' Sved Nasir Ismail (kanan) dan En Abdul Ghafar Baba (kiri). Kelihatan juga barisan kedua dari kanan Toh Puan Norashikin, Toh Puan Zaainon dan Puan Aishah Ghani (tengah) sedang memerhatikan upacara tersebut.

Justeru, kemungkinan Tun Dr. Ismail tidak memasuki UMNO pada masa pimpinan Dato' Onn kerana beliau bersympati atas nasib bapanya Dato' Abdul Rahman. Oleh itu, beliau tidak mahu menyokong Dato' Onn.

Walau bagaimanapun apabila pimpinan UMNO diambil alih oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1951, Tun Dr. Ismail menjadi ahli dan dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pusat UMNO.⁶ Tunku Abdul Rahman dilantik sebagai Yang Dipertua UMNO pada tahun 1951 berikutan dengan perletakan jawatan Dato' Onn sebagai Yang Dipertua UMNO.⁷

Di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman, Tun Dr. Ismail telah bergiat aktif dalam politik UMNO khasnya dalam soal-soal perundingan kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau bersama Tunku Abdul Rahman dan ahli-ahli UMNO telah berusaha mendapatkan kemerdekaan Tanah Melayu daripada British. Kedudukan beliau dalam UMNO telah mencapai tahap tinggi apabila beliau dilantik

sebagai Naib Presiden UMNO dan seterusnya sebagai Timbalan Presiden UMNO. Dengan ini terbukti bahawa bermula tahun 1951 Tun Dr. Ismail mengambil peranan yang cergas dalam UMNO di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman.

SISTEM AHLI 1951

Kemampuan Tun Dr. Ismail sebagai seorang ahli politik dan pemimpin terbukti apabila beliau telah dilantik sebagai menteri dalam kabinet British melalui Sistem Ahli.

Sistem Ahli telah dibentuk oleh British pada tahun 1951. Sistem ini memerlukan wakil daripada kerajaan Perikatan untuk berkhidmat dalam kabinet British. Tujuannya adalah untuk memberikan latihan pentadbiran kepada wakil Perikatan sebagai persediaan untuk membina kerajaan sendiri. Mengikut sistem tersebut, portfolio yang ditawarkan terbahagi kepada portfolio rasmi dan tidak rasmi. Kementerian Dalam Negeri, Kesihatan, Pelajaran dan Perumahan diletakkan di bawah portfolio tidak rasmi manakala Hubungan Ekonomi, Pertahanan, Perusahaan, Perhubungan Sosial, Kereta Api dan Pelabuhan sebagai rasmi.⁸

Walau bagaimanapun ahli-ahli Perikatan telah menolak untuk berkhidmat di bawah Sistem Ahli kerana dikatakan bekerjasama dengan British. Pesuruhjaya Tinggi British, Sir Gerald Templer pernah menawarkan jawatan kepada Tunku Abdul Rahman tetapi beliau menolak tawaran tersebut. Alasan yang diberikan ialah sebagai Ketua UMNO beliau tidak sepatutnya bekerjasama dengan kerajaan British kerana hal ini akan menimbulkan salah faham di kalangan ahli-ahli UMNO.⁹ Namun begitu, Tunku Abdul Rahman sedar bahawa adalah baik jika wakil dari Perikatan berkhidmat dengan kerajaan British agar mereka mendapat pengalaman. Oleh itu, Tunku Abdul Rahman telah mencadangkan agar Tun Dr. Ismail menerima tawaran daripada kerajaan British. Pada mulanya Tun

Dr. Ismail telah menolak cadangan tersebut tetapi apabila didesak oleh Tunku Abdul Rahman maka beliau akhirnya bersetuju untuk berkhidmat dalam kabinet British.¹⁰

Mulai 1 November 1953, Tun Dr. Ismail telah berkhidmat dengan kerajaan British dan memegang jawatan Menteri Tanah, Galian, dan Perhubungan. Turut sama dilantik ialah wakil dari Malayan Chinese Association (MCA) Col. H.S. Lee sebagai Menteri Perhubungan.¹¹

Kemasukan Tun Dr. Ismail ke dalam kabinet British tertakluk kepada beberapa syarat yang dikemukakan oleh beliau kepada kerajaan British. Antara syarat-syarat yang ditetapkannya ialah:

1. Perkhidmatan beliau dalam kerajaan hanya untuk tempoh satu tahun.
2. Perkhidmatan beliau bersama Col. H.S. Lee adalah sebagai mewakili pihak UMNO dan MCA.
3. Mereka akan meletak jawatan jika pilihan raya tidak diadakan menjelang tahun 1954.
4. Mereka juga akan menarik diri sekiranya Perikatan mahu mereka berbuat demikian.¹²

Berikutan dengan kemasukan Tun Dr. Ismail dalam kerajaan British telah menimbulkan pelbagai reaksi di kalangan ahli UMNO. Ahli-ahli UMNO tidak bersetuju pemimpin-pemimpin pertubuhan tersebut memegang apa juga jawatan dalam kerajaan yang ada. Pengikut-pengikut UMNO menuduh Tun Dr. Ismail tidak sabar untuk menjawat jawatan tinggi.¹³

Sebagai menghadapi penentangan ahli-ahli UMNO maka Tunku Abdul Rahman menjelaskan bahawa langkah yang diambil oleh Perikatan adalah atas dasar keselamatan dan kerjasama. Tunku mengatakan bahawa adalah perlu ahli Perikatan mendapat pengalaman mentadbir kerajaan.¹⁴

Untuk memuaskan hati ahli-ahli UMNO, Tun Dr. Ismail sendiri telah menyatakan bahawa beliau bersetuju menerima jawatan

daripada kerajaan hanyalah sebagai tanda kerjasama. Beliau hanya mewakili cita-cita dan perjuangan UMNO. Beliau juga mengatakan bahawa beliau tidak berniat untuk mengkhianati UMNO dan dasar perjuangannya. Dengan penjelasan-penjelasan itu maka redalah kritik-kritik terhadap Tun Dr. Ismail.¹⁵

Walau bagaimanapun setelah beberapa jam berkhidmat dalam kabinet British, Tun Dr. Ismail telah meletak jawatan. Ini berikutan dengan timbulnya beberapa masalah antara Perikatan dengan kerajaan British. Dasar-dasar yang bertentangan antara kedua-dua pihak akhirnya membawa kepada perselisihan dan pengunduran wakil Perikatan dari kabinet British. Masalah yang timbul ialah masalah pilihan raya bagi Tanah Melayu.

RUNDINGAN MEMBENTUK PERIKATAN UMNO-MCA

Sebagai ahli UMNO, Tun Dr. Ismail turut memainkan peranan dalam soal-soal perikatan dengan kaum Cina khususnya dalam arena politik Tanah Melayu. Peranan Tun Dr. Ismail sebagai ahli jawatan-kuasa yang merundingkan untuk membentuk satu perikatan antara UMNO dengan MCA bertujuan untuk menghadapi pilihan raya dan seterusnya menuntut kemerdekaan daripada British.

Perikatan antara UMNO dan MCA telah dibentuk pada awal tahun 1952 yang melibatkan kedua-dua orang pemimpin UMNO dan MCA bersetuju berbaik-baik dengan tujuan untuk bersatu dan bertanding dalam pilihan raya.¹⁶

Walau bagaimanapun timbul beberapa masalah yang telah merosakkan hubungan antara UMNO dengan MCA. Ini disebabkan oleh kedatangan Dr. Victor Percell, penasihat politik MCA yang merupakan seorang anti-Melayu. Victor Percell kononnya datang ke Tanah Melayu untuk menjadi orang tengah dalam rundingan-rundingan antara UMNO dan MCA. Ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan ahli UMNO.

Berikut itu isu tersebut telah dibawa ke Majlis Mesyuarat Agung UMNO di Butterworth, Seberang Prai pada bulan September 1952. Tunku Abdul Rahman dalam ucapannya menyeru supaya pemimpin-pemimpin UMNO dan MCA mengadakan perundingan dan menolak campur tangan Dr. Victor Percell.¹⁷

Sebagai menyahut seruan Tunku Abdul Rahman maka satu rundingan diadakan antara UMNO dan MCA. Rundingan tersebut dinamakan "Rundingan Meja Bulat" yang diadakan pada 3 Februari 1953, di Kuala Lumpur. Dalam rundingan tersebut Tun Dr. Ismail sebagai Naib Yang Dipertua UMNO turut mewakili pihak UMNO.¹⁸ Rundingan-rundingan tersebut telah diadakan beberapa kali iaitu pada 21 Februari 1953 di Singapura dan seterusnya pada 16 Mac 1953 di Johor Bahru.

Begitulah peranan yang telah dimainkan oleh Tun Dr. Ismail semasa tahap-tahap awal penglibatan beliau dalam pertubuhan UMNO. Seterusnya, peranan Tun Dr. Ismail dalam arena politik dapat dilihat dalam perhimpunan pertubuhan-pertubuhan Melayu yang merundingkan tuntutan bagi mengadakan pilihan raya Persekutuan.

PILIHAN RAYA PERSEKUTUAN 1955

Pengenalan kepada pilihan raya Persekutuan merupakan suatu yang rumit untuk dilaksanakan khasnya dalam pembangunan ke arah berkerajaan sendiri. Bagi nasionalis-nasionalis Tanah Melayu kepentingan pilihan raya mendapat perhatian yang utama. Mereka sentiasa berjuang untuk menuntut pilihan raya daripada pihak British. Tidak dapat dinafikan bahawa Tun Dr. Ismail juga turut memainkan peranan dalam usaha mendapatkan pilihan raya bagi Persekutuan Tanah Melayu. Peranan aktif beliau dalam badan-badan rundingan yang ditubuhkan turut terlihat.

Pertubuhan UMNO telah menganjurkan satu perhimpunan pertubuhan-pertubuhan Melayu untuk mendapatkan kerjasama

bagi menuntut pilihan raya Persekutuan 1954. Perjumpaan tersebut telah diadakan di Johor Bahru pada 11 Ogos 1953 dan telah dihadiri oleh sepuluh buah pertubuhan. Tun Dr. Ismail merupakan salah seorang ahli yang mewakili pertubuhan UMNO.¹⁹

Tun Dr. Ismail juga telah mewakili UMNO dalam satu perhimpunan yang disebut *National Convention* (Perhimpunan Kebangsaan) yang terdiri daripada semua pertubuhan siasah segala bangsa. Perhimpunan itu telah diadakan pada 23 Ogos 1953.²⁰ Dalam persidangan tersebut, ketetapan telah dibuat bagi menuntut supaya diadakan Pilihan Raya Persekutuan pada tahun 1954.

Berikutan itu, sebuah jawatankuasa khas telah dilantik bagi berunding dan membuat syor-syor bagi perubahan-perubahan dalam Persekutuan Tanah Melayu. Tun Dr. Ismail merupakan salah seorang ahli jawatankuasa tersebut.²¹

Seterusnya apabila penyata pilihan raya telah dibentangkan oleh jawatankuasa 46 orang yang dilantik oleh Raja-raja dan Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan, ia telah menimbulkan kekecohan di kalangan ahli-ahli Perikatan. Dalam penyata yang dibentangkan ternyata syor-syor yang dituntut oleh Perikatan dan golongan penentang berlawanan antara satu sama lain. Pihak Perikatan telah menuntut supaya 60 orang ahli dipilih dalam Majlis Undangan Persekutuan manakala pihak penentang menuntut supaya 44 orang ahli dipilih. Tetapi keputusan yang ditetapkan oleh jawatankuasa 46 orang itu ialah 52 orang dipilih dan 46 orang dilantik.²²

Apabila Penyata Pilihan Raya tersebut diumumkan maka Perikatan telah menentang dan menghantar petisyen kepada pihak kerajaan dan Pesuruhjaya Tinggi menuntut agar tuntutan Perikatan diterima. Seterusnya pihak Perikatan telah menghantar tiga orang wakil ke London untuk menemui Setiausaha Tanah Jajahan, Mr. Oliver Lyttelton.²³ Dalam perundingan yang diadakan, pihak Perikatan tetap dengan keputusan mereka.

Hasil perundingan tersebut jelas menunjukkan tuntutan pihak Perikatan tidak ditunaikan. Keputusan telah dibuat untuk menolak

Kertas Putih Penyata Pilihan Raya. Berikut itu, sebuah perwakilan Perikatan UMNO-MCA dilantik untuk menemui Jeneral Templer. Pesuruhjaya Tinggi yang baru mewakili pihak UMNO ialah Tun Dr. Ismail, Tunku Abdul Rahman, Col. H.S. Lee dan Leong Yew Koh.²⁴

Sebagai langkah penentangan ahli Perikatan dalam kabinet British telah menarik diri yang turut membawa kepada peletakan jawatan Tun Dr. Ismail dan Col. H.S. Lee. Ini memperlihatkan bahawa Tun Dr. Ismail sememangnya tegas dalam membuat keputusan. Beliau tetap menunjukkan penentangan terhadap dasar-dasar kerajaan yang bertentangan dengan UMNO.

Tunku Abdul Rahman kemudiannya telah mencadangkan supaya perarakan menghadap sultan diadakan bagi setiap negeri agar membuat rayuan tentang tuntutan pilihan raya. Dalam hal ini, Tun Dr. Ismail telah mewakili Perikatan bahagian Johor dengan membacakan ucapan rayuan kepada Sultan Johor.²⁵

Apabila wakil Perikatan menarik diri daripada kerajaan maka Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan Tanah Melayu yang baru telah menyatakan hasrat untuk menemui dan mengadakan perbincangan dengan Tunku Abdul Rahman. Oleh itu pada 2 Julai 1954, Tun Dr. Ismail telah turut bersama Tunku Abdul Rahman untuk menemui Sir Donald Mac Gilliray di atas kapal perang H.M. Alert di Singapura. Turut bersama ialah Col. H.S. Lee. Rundingan tersebut telah mencapai persetujuan bahawa keputusan tentang 52 orang ahli dipilih akan kekal. Walau bagaimanapun, tujuh orang ahli dipilih oleh Pesuruhjaya Tinggi akan dilakukan kelak dengan merujuk kepada Perikatan.²⁶ Dengan keputusan itu, ahli-ahli Perikatan yang menarik diri daripada kerajaan diterima untuk berkhidmat semula. Tarikh Pilihan Raya Persekutuan ditetapkan pada 27 Julai 1955.

Dalam pilihan raya pada tahun 1955, Tun Dr. Ismail telah bertanding mewakili Perikatan bagi merebut kerusi Dewan Undangan Negeri kawasan Johor Timur. Beliau telah memenangi pilihan raya

ini dengan mengalahkan lawannya Jaafar bin Haji Ali dan Haji Abdullah Haji Taib dengan kelebihan sebanyak 10 800 undi.²⁷

Jelaslah, peranan yang telah dimainkan oleh beliau dalam proses menuntut pilihan raya telah meletakkan diri beliau mempunyai pengaruh ramai. Walaupun pada saat tersebut Tun Dr. Ismail berada di hospital kerana uzur tetapi melalui kempen-kempen yang dijalankan dari hospital ternyata Tun Dr. Ismail mendapat sokongan rakyat khasnya di Johor.²⁸

Selepas kemenangan dalam pilihan raya pada tahun 1955, Tun Dr. Ismail terus aktif dalam politik dengan peranan yang tidak kurang pentingnya. Penglibatan beliau untuk tahap seterusnya ialah dalam proses merundingkan kemerdekaan Tanah Melayu.

RUNDINGAN-RUNDINGAN KEMERDEKAAN

Dalam usaha Perikatan untuk mendapatkan kemerdekaan bagi Tanah Melayu peranan Tun Dr. Ismail juga tidak dapat dilupakan.

Selepas memenangi pilihan raya 1955, Perikatan telah mula membuat tuntutan untuk mendapat kemerdekaan Tanah Melayu. Beberapa bulan selepas pilihan raya, Setiausaha Tanah Jajahan Mr. A. Lennox-Boyd telah melawat Tanah Melayu. Berikut itu Perikatan telah mengemukakan hasrat untuk mengadakan perbincangan dengan pihak British di London melalui rombongan kemerdekaan yang akan dibentuk. Setelah mengadakan perbincangan keputusan diambil untuk menghantar empat orang mewakili Raja-raja Melayu dan empat orang mewakili Perikatan untuk berunding di London.

Dalam rombongan kemerdekaan tersebut wakil Perikatan terdiri daripada Tunku Abdul Rahman, Tun Dr. Ismail, Col. H.S. Lee dan Tun Abdul Razak. Manakala wakil Raja-raja Melayu ialah Datuk Panglima Bukit Gantang, Abdul Aziz bin Haji Abdul Majid, Datuk Mohd. Seth dan Datuk Nik Ahmad Kamal.²⁹



Ahli-ahli rombongan kemerdekaan ke London pada tahun 1957.

Gambar menunjukkan (kiri ke kanan): Encik Nik Ahmad Kamil, (Tun) Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, Encik T.H. Tan, Dato' Panglima Bukit Gantang dan Tunku Abdul Rahman. Dato' Mohd. Seth (Menteri Besar Johor Bahru), Encik Kadir Shamsudin, Col. H.S. Lee, Dato' Abdul Aziz Majid dan Dato' Abdul Razak Hussein.

Sumber: Arkib Negara Malaysia

Rombongan tersebut telah berlepas pada 1 Januari 1956. Perundingan di London berlangsung dari 18 Januari hingga 8 Februari 1956 antara wakil-wakil Tanah Melayu, Setiausaha Tanah Jajahan dan Pesuruhjaya Tinggi.

Daripada hasil rundingan tersebut maka tarikh kemerdekaan bagi Tanah Melayu telah ditetapkan pada 31 Ogos 1957 sebagaimana yang dituntut oleh rakyat. Tunku Abdul Rahman dan ahli-ahli rombongan telah menurunkan tandatangan di atas Perjanjian Kemerdekaan Tanah Melayu di Lancaster House.

Dengan kemerdekaan Tanah Melayu, peranan Tun Dr. Ismail lebih jelas lagi dalam mengisi kemerdekaan tersebut. Setakat ini Tun Dr. Ismail telah bergiat cergas dalam proses ke arah pencapaian kemerdekaan. Terbuktilah beliau mempunyai kebolehan sebagai seorang ahli politik yang berjaya walaupun beliau tidak mempunyai pengalaman politik yang luas sewaktu usia mudanya.

Tun Dr. Ismail tidaklah mempunyai pengalaman politik yang luas tetapi kejayaan dan namanya meningkat dalam politik secara tiba-tiba. Kemenangan beliau dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955 menunjukkan bagaimana beliau mempunyai pengaruh. Walaupun tidak berpengalaman luas tetapi kebolehan yang dimiliki di samping pengaruh latar belakang keluarga telah menaikkan nama beliau. Beliau berasal daripada keluarga yang berkedudukan di samping pengaruh bapanya sebagai pentadbir dan pembesar Johor.

Nota Hujung:

1. Ibu Malayan Union mendapat tentangan hebat daripada orang Melayu kerana perlembagaannya yang akan mengubah bentuk pemerintahan Tanah Melayu dan membuka taraf kerakyatan yang sama kepada semua penduduk Tanah Melayu dan seterusnya menghapuskan kedaulatan raja-raja Melayu. Tentangan orang Melayu diketuai oleh Dato' Onn bin Jaafar. Untuk keterangan lanjut lihat Ibrahim Mahmood, *Sesarih Perjuangan Bangsa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur, 1981, him. 43-70.
2. Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu mengandungi sembilan buah Negeri Melayu dan dua buah Negeri Seliat. Di bawah perlembagaan ini, taraf kerakyatan diketarkan. Lihat Ibrahim Mahmood, *op cit.*, him. 178.
3. Berita Harian, 4 Ogos 1973.
4. Wawancara dengan Yang Berhormat Encik Taufik bin Tun Dr. Ismail, Bangunan PEREMBA, Kuala Lumpur, 12-11-86, jam 10.00 pagi.
5. Lembaga Kesatuan Melayu Johor, C.O. 53/1558.
6. Penyata UMNO Malaysia, 7/3/74, Ibu Pejabat UMNO Malaysia.
7. Perletakan jawatan Dato' Onn adalah kerana dasar dan pendiriannya yang tidak mendapat sokongan UMNO. Ini kerana beliau mahu membuka keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu. Hal ini mendapat tentangan daripada ahli-ahli UMNO.

- Disebabkan tidak ada pilihan maka Dato' Onn meninggalkan UMNO. Lihat Ibrahim Mahmud, *op.cit.*, hlm. 291.
- 8 Gordon P Means, *Malaysian Politics*, Hodder and Stoughton, London, 1976, hlm. 60.
 - 9 Harry Miller, Prince and Premier, *A Biography of Tunku Abdul Rahman*, Eastern University Press (M) Sdn. Bhd., Kuala Lumpur, 1982, hlm. 134.
 - 10 Ibid
 - 11 Ibrahim Mahmood, *op.cit.* hlm. 383.
 - 12 Harry Miller, *op.cit.*, hlm. 136.
 - 13 UMNO 10 tahun, 1956
 - 14 Ibid
 - 15 Ibid
 - 16 Ibrahim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 343
 - 17 Ibid., hlm. 352
 - 18 Lihat Ibrahim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 352-54.
 - 19 Ibid., hlm. 374
 - 20 Ibid., hlm. 377
 - 21 Ibid., hlm. 380
 - 22 Gordon P Means, *op.cit.*, hlm. 62
 - 23 Ibid., hlm. 148
 - 24 Ibrahim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 402.
 - 25 Ibid., hlm. 411
 - 26 Gordon, P Means, *op.cit.*, hlm. 149-150.
 - 27 T E Smith, *Report, on the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*, Kuala Lumpur, 1955, hlm. 59.
Jaafar bin Haji Ali mendapat 350 undi dan Haji Abdullah Haji Taib mendapat 253 undi. Jumlah pengundi berdaftar kawasan tersebut ialah seramai 14 155 orang.
 - 28 Wawancara dengan Yang Berhormat Encik Taufik bin Tun Dr. Ismail, Bangunan PEREMBA, Kuala Lumpur, 12-11-86, jam 10.00 pagi
 - 29 Ibrahim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 492.

Peranan Selepas Kemerdekaan Tanah Melayu

TUN DR. ISMAIL SEBAGAI MENTERI KERAJAAN

Setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957, Tun Dr. Ismail telah dipilih menjadi menteri dalam pelbagai jabatan. Suasana politik tanah air ketika itu menempatkan beliau sebagai salah seorang yang terpenting untuk mengisi proses kemerdekaan seterusnya.

Berikutan itu, ahli-ahli Jemaah Menteri Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu telah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Dalam kabinet yang dibentuk itu Tun Dr. Ismail telah diberikan tempat Menteri Tak Berjawatan.¹ Dengan itu, ternyata bahawa aktiviti-aktiviti politik Tun Dr. Ismail dalam zaman sebelum kemerdekaan telah meletakkan beliau sebagai seorang yang berpengaruh. Ini kemudiannya terbukti apabila Tun Dr. Ismail telah dipilih oleh kerajaan Persekutuan Tanah Melayu sebagai wakil ke persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-82.

Serentak dengan kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957 juga, Persekutuan Tanah Melayu diterima menjadi ahli Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-82. Tun Dr. Ismail yang ketika itu

merupakan Menteri Tak Berjawatan telah dilantik sebagai wakil tetap ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Di samping itu beliau juga dilantik sebagai Duta Persekutuan Tanah Melayu ke Amerika Syarikat. Beliau bertolak ke Amerika Syarikat pada 5 September 1957.²

Dalam ucapan pertama beliau di Majlis Perhimpunan Bangsa-Bangsa Bersatu, Tun Dr. Ismail telah menyatakan rasa bangga kerajaan diterima menjadi ahli pertubuhan tersebut dalam masa yang singkat selepas kemerdekaaan.³

Dengan pemilihan Tun Dr. Ismail sebagai Ketua Perwakilan dan Duta Negara, beliau terpaksa menjalankan dua tugas serentak. Ini menunjukkan keistimewaan yang dimiliki oleh beliau sebagai seorang pemimpin. Sepanjang perkhidmatan beliau sebagai wakil Persekutuan Tanah Melayu, beliau telah cuba mengemukakan idea-idea yang bernalas.



Tun Dr. Ismail bertolak ke Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada September 1957.

Tun Dr. Ismail telah menetap di Amerika Syarikat selama dua tahun sewaktu beliau menjadi duta negara. Dalam tempoh tersebut beliau menempuh pelbagai pengalaman politik yang luas khususnya dalam menaikkan imej negara di mata Barat dan negara-negara asing. Apabila beliau kembali ke tanah air peranannya terlihat semula dalam kabinet Tunku Abdul Rahman. Beliau kemudian telah menjawat beberapa jawatan yang penting.

Tun Dr. Ismail kemudiannya telah bertanding dalam Pilihan Raya Persekutuan 1959 dan beliau telah memenangi kerusi Parlimen Kawasan Johor Timur untuk kali kedua.¹ Jelaslah beliau tetap mendapat sokongan penduduk dan memperlihatkan Tun Dr. Ismail sebagai seorang yang mempunyai ketekunan sebagai pemimpin.

Berikut dengan kemenangan Perikatan dalam Pilihan Raya Persekutuan 1959, Tunku Abdul Rahman telah menyusun jemaah menteri bagi Persekutuan Tanah Melayu. Dalam susunan semula jemaah menteri Tun Dr. Ismail telah dilantik sebagai Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.²



Mesyuarat pertama jemaah menteri baru di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur, pada 13.5.1964. Kelihatan duduk dua dari kiri ialah Tun Abdul Razak, Tunku Abdul Rahman dan Tun Dr. Ismail serta para menteri yang lain.

Tun Dr. Ismail kemudian telah dilantik sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri apabila Kabinet Tunku Abdul Rahman disusun semula pada bulan November 1960.⁶

Semasa menjadi Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail memainkan peranan yang tidak kurang penting dalam membentuk pasukan Polis Diraja Malaysia. Di kalangan anggota Polis Diraja Malaysia Tun Dr. Ismail disifatkan sebagai Arkitek Ulung Polis Diraja Malaysia.⁷ Ini kerana kerjasama dan bimbingan yang telah beliau berikan dalam membentuk pasukan tersebut sebagai pasukan yang terbaik. Khidmat yang telah beliau berikan selama dua belas tahun telah menghasilkan beberapa perubahan kepada pasukan tersebut. Tun Dr. Ismail bertanggungjawab mengusahakan tempat tinggal yang baik bagi anggota polis khasnya anggota polis di peringkat rendah. Di bawah pimpinan beliau, pasukan polis telah dapat menggunakan peluang-peluang yang ditawarkan oleh negara-negara lain misalnya "Rancangan Colombo". Di samping itu, pasukan Polis Diraja juga telah dianugerahkan panji-panji Diraja Yang di-Pertuan Agong pada tahun 1961.⁸

Jasa-jasa beliau juga tidak kurang pentingnya tentangnya apabila meninjau sumbangan beliau terhadap pertubuhan kaum buruh. Menurut "Suara Buruh" iaitu lidah rasmi Kongres Kesatuan Sekerja (MTUC) Kaum Buruh melahirkan rasa penghargaan atas jasa-jasa Tun Dr. Ismail yang telah menetapkan 1 Mei sebagai Hari Buruh dan menjadikan hari tersebut sebagai cuti am. Beliau juga dikatakan telah memulakan pengenalan pas kerja bagi memastikan rakyat Malaysia diberi keistimewaan dalam mendapatkan pekerjaan.⁹

Tun Dr. Ismail turut bergiat dalam kegiatan-kegiatan pelajar dalam mahupun luar negeri. Ini dapat dilihat melalui tugas beliau sebagai Pengurus Penyiasat Kedudukan Pelajar Malaya di United Kingdom dan Republik Ireland pada tahun 1960.¹⁰ Di samping itu Tun Dr. Ismail juga tidak melepaskan peluang memberikan idea-idea baru dan bernalas terhadap kegiatan-kegiatan pelajar dalam negeri. Hingga saat-saat akhir hayatnya, beliau masih melibatkan diri dalam Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS).

Walaupun menjadi seorang menteri, Tun Dr. Ismail tidak melupakan tanggungjawab terhadap parti UMNO khasnya bagi kawasan Johor. Pada bulan Mac 1961 beliau telah dilantik sebagai Ketua Jawatankuasa Negeri oleh Tunku Abdul Rahman.¹¹

Tun Dr. Ismail juga merupakan anggota Majlis Keselamatan Dalam Negeri Singapura sebagai wakil dari Malaysia. Seterusnya, bagi kali kedua Tun Dr. Ismail telah mengetuai delegasi negara ke Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu pada bulan September 1962. Pada tahun berikutnya iaitu pada tahun 1963 beliau telah dilantik sebagai Pengurus Lembaga Keselamatan Dalam Negeri.¹²

Apabila melihat peranan Tun Dr. Ismail dalam pelbagai perkhidmatan kerajaan, ternyata beliau merupakan seorang yang berkebolehan tinggi dalam mengendalikan tugas sebagai pemimpin. Kedudukan yang beliau telah capai pada tahap-tahap awal selepas kemerdekaan menunjukkan beliau mempunyai pengaruh yang luas. Ini dapat dibuktikan apabila Tun Dr. Ismail telah memenangi semula kerusi Parlimen kawasan Johor Timur tiga kali berturut-turut dalam Pilihan Raya Persekutuan pada tahun 1964.¹³

Berikutnya penyusunan semula kabinet Tunku Abdul Rahman, Tun Dr. Ismail dilantik sebagai Menteri Kehakiman dan Menteri Dalam Negeri. Di samping itu, beliau turut dilantik sebagai salah seorang daripada Timbalan Pengurus Bersama Majlis Pertahanan Negara dan Pengurus Bersama Jawatankuasa Umum Sempadan Malaysia-Thailand.¹⁴ Beliau telah menandatangani satu Perjanjian Sempadan antara Malaysia dan Thailand pada 13 Mac 1965.

Semasa menjadi Menteri Kehakiman, Tun Dr. Ismail telah menghadiri sidang Menteri Undang-undang Komanwel di Australia. Beliau juga telah menghadiri sidang Keamanan Dunia melalui undang-undang di Washington pada tahun 1965. Buat kali yang ketiga, Tun Dr. Ismail telah mengetuai delegasi negara ke Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1964.¹⁵



Mesyuarat Ke 5 Jawatankuasa Sempadan telah dibuka di Kuala Lumpur, pada 9.3.1967. Mesyuarat selama dua hari itu diadakan di Bangunan Parlimen. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman ialah pengurus bersama mesyuarat itu bagi kali yang akhir kerana beliau akan bersara dari kabinet Malaysia disebabkan kezuruan.



Seorang pakar ekonomi Thai, Tuan Paul Sithi-amnuai telah bertemu ramah selama 45 minit dengan Menteri Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman, di pejabat beliau di Kuala Lumpur pada 25.7.1966. Turut hadir di majlis temu ramah itu ialah Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Dato' Nik Daud (kanan).

PELETAKAN JAWATAN TUN DR. ISMAIL

Di kalangan rakyat dan pemimpin-pemimpin negara, Tun Dr. Ismail dipandang sebagai seorang yang bersungguh-sungguh apabila menjalankan tugas-tugas negara. Sikapnya yang serius itu menyebabkan beliau meletakkan kepentingan negara lebih daripada kepentingan diri sendiri. Oleh itu, kadang-kadang beliau mengabaikan kesihatan dirinya. Beliau sedar beliau menghidapi sakit jantung dan pernah tinggal di hospital untuk beberapa bulan semasa berada di Johor. Kemudiannya beliau pernah mendapatkan rawatan di London.¹⁶ Namun begitu Tun Dr. Ismail tidak menghiraukan penyakit jantung yang dihadapi sehingga keadaan kesihatannya benar-benar memaksa beliau mendapatkan rawatan semula.

Justeru, disebabkan keadaannya yang uzur beliau mengambil keputusan untuk berundur daripada perkhidmatan kerajaan. Ini kerana beliau merasakan dengan keadaan yang sentiasa uzur itu, beliau tidak dapat menumpukan sepenuh perhatian terhadap tanggungjawabnya sebagai pemimpin. Pada 1 Jun 1967 Tun Dr. Ismail telah meletakkan jawatan sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri. Keputusan untuk berundur dari Perikatan itu telah diumumkan olehnya ke seluruh tanah air menerusi televisyen. Walaupun terasa sayang meninggalkan perkhidmatannya selama dua belas tahun, demi menjaga kesihatan beliau terpaksa berundur. Walau bagaimanapun Tun Dr. Ismail tetap menjadi ahli Majlis Kerja Tertinggi UMNO.¹⁷

Peletakan jawatan Tun Dr. Ismail telah menimbulkan spekulasi di kalangan ahli-ahli politik berkaitan sebab-sebab peletakan jawatan itu kerana beliau tidak sefahaman dengan dasar perjuangan Tunku Abdul Rahman.

Spekulasi tersebut timbul kerana Tun Dr. Ismail dikatakan pernah mengemukakan surat peletakan jawatan kepada Tunku Abdul Rahman.¹⁸



Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail Dato' Haji Abdul Rahman, yang telah berada di London selama 10 minggu untuk mendapat rawatan perubatan, telah kembali ke Kuala Lumpur pada 19.5.1970.

Walaupun timbul pelbagai spekulasi, Tun Dr. Ismail mengatakan bahawa peletakan jawatan tersebut dilakukan kerana keuzurannya yang memerlukan beliau berehat. Dalam ucapan perpisahan menerusi Radio Televisyen Malaysia (RTM), Tun Dr. Ismail menjelaskan walaupun perkhidmatannya masih diperlukan khasnya dalam Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, namun beliau terpaksa berundur. Tambahan pula, kesibukannya pada masa lalu telah menghalang beliau untuk berehat dan berfikir sebagai ahli politik. Oleh itu, beliau tetap mengambil keputusan untuk bersara. Antara ucapan beliau berbunyi:

"Walau bagaimanapun saya berpegang teguh atas keputusan saya hendak bersara kerana saya tidak dapat lagi menjalankan tugas-tugas saya di Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan tekun dan penuh minat."¹⁹

Namun begitu, kemungkinan juga wujud ketidaksefahaman antara Tun Dr. Ismail dengan Tunku Abdul Rahman yang membawa kepada perletakan jawatan itu. Walau bagaimanapun disebabkan tidak ada bukti-bukti yang jelas dan ditambah pula oleh sumber-sumber yang dirahsiakan maka perkara tersebut tidak dibincangkan di sini.

Selepas bersara, Tun Dr. Ismail pernah ditawarkan bekerja dengan beberapa syarikat perniagaan dan kewangan. Walaupun beliau tidak mempunyai pengalaman dalam bidang tersebut, disebabkan ketokohannya beliau mendapat penghormatan. Tun Dr. Ismail pernah berkhidmat dengan Guthries and Malayan Banking.²⁰

Walaupun Tun Dr. Ismail tidak lagi menjadi menteri, beliau masih mendapat sanjungan rakyat. Beliau tetap dilihat sebagai tokoh politik dan pemimpin yang berkebolehan. Semuanya ini kerana sifat-sifat tegas dan serius dalam bidang yang diceburinya. Oleh itu, apabila negara mengalami saat-saat genting sewaktu Peristiwa 13 Mei peranan Tun Dr. Ismail diperlukan.

BERKHIDMAT SEMULA HINGGA AKHIR HAYAT

Berundurnya Tun Dr. Ismail dari kabinet tidaklah bererti tamatnya penglibatan beliau dalam politik. Walaupun tidak lagi bergelar menteri, Tun Dr. Ismail masih menjadi ahli Parlimen kawasan Johor Timur. Sumbangan dan peranannya diperlukan lagi dan beliau tetap dihormati sebagai pemimpin yang disanjungi. Ini terbukti dalam keputusan pilihan raya umum Malaysia pada tahun 1969 apabila Tun Dr. Ismail telah memenangi kerusi Parlimen Johor Timur bagi kali ketiga.²¹

Selepas pilihan raya umum 1969, Tun Dr. Ismail bercadang untuk mendapatkan rawatan kesihatan di England. Tetapi hasrat beliau tergendala kerana beliau telah diminta oleh kerajaan untuk memberikan khidmatnya berikut dengan meletusnya Peristiwa 13 Mei pada tahun 1969.²²



Peristiwa Darurat 1969 yang membawa perubahan besar dalam dasar pentadbiran negara.

Keadaan negara yang huru-hara pada masa peristiwa tersebut memaksa Tunku Abdul Rahman meletakkan negara di bawah Undang-undang Darurat. Sebuah majlis yang dinamakan "Majlis Gerakan Negara" (MAGERAN) ditubuhkan dan Tunku Abdul Rahman telah melantik Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein sebagai pengarah. Berikutkan itu, Tun Abdul Razak kemudiannya telah meminta jasa baik Tun Dr. Ismail agar menjadi Timbalan Pengarah MAGERAN.²³

Dengan perlantikan Tun Dr. Ismail sebagai Timbalan Pengarah MAGERAN beliau kembali berkhidmat untuk negara walaupun pada saat keadaan kesihatan beliau tidak berapa baik. Tetapi beliau sanggup berkorban demi untuk membantu Tun Abdul Razak menghadapi masalah-masalah yang timbul dalam Peristiwa 13 Mei. Memandangkan peribadi Tun Dr. Ismail yang terkenal dengan sifat

ketegasan dan berhati-hati dalam sesuatu situasi memang wajarlah beliau dapat membantu menyelesaikan keadaan yang huru-hara itu.



Ketua parti pembangkang New Zealand, Tuan Norman Kirk telah mengunjungi Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tun Dr Ismail bin Dato' Haji Abdul Rahman di pejabatnya di Kuala Lumpur pada 5.6.1970.

Menerusi MAGERAN, Tun Dr. Ismail telah bertindak tegas dalam menghadapi soal-soal orang Melayu dan dasar pelajaran kebangsaan. Tun Dr. Ismail berpendapat bahawa Peristiwa 13 Mei menunjukkan demokrasi telah mati dan ia mati di tangan parti-parti pembangkang. Hal ini telah mendorong berlakunya keganasan dalam peristiwa tersebut.²⁴

Berhubung dengan meletusnya Peristiwa 13 Mei, Tunku Abdul Rahman telah mengalahkan komunis dan anasir-anasir kongsi gelap. Walau bagaimanapun Tun Dr. Ismail berpendapat kekacauan yang timbul berpunca daripada parti-parti pembangkang. Namun begitu, umumnya orang Melayu menyalahkan orang Cina sebagai punca kepada meletusnya rusuhan itu.²⁵

Tun Dr. Ismail bolehlah dikatakan turut memainkan peranan penting dalam menyelesaikan isu-isu yang timbul sewaktu Peristiwa 13 Mei. Beliau telah dilantik semula sebagai Menteri Keselamatan Dalam Negeri pada bulan September, 1970 apabila Tun Abdul Razak mengambil alih pimpinan negara daripada Tunku Abdul Rahman.²⁶

Memandangkan Tun Dr. Ismail pernah meletakkan jawatan sebagai menteri maka kembalinya beliau ke dalam pimpinan negara mungkin menimbulkan spekulasi. Namun begitu Tun Dr. Ismail menyatakan pendiriannya bahawa beliau kembali melibatkan diri dalam politik atas dasar membantu Tun Abdul Razak mengembalikan semula kekuatan negara. Bagi beliau sebagai anggota parti maka setiap anggotanya bertanggungjawab terhadap parti. Beliau mengatakan kembalinya beliau ke dalam kabinet adalah atas permintaan Tun Abdul Razak. Berhubung dengan perkara ini Tun Dr. Ismail menyatakan:



Tun Dr. Ismail (barisan hadapan, dua dari kanan) bersama Tun Abdul Razak (kanan sekali) dan menteri-menteri kabinet yang lain.

"...saya kembali ke arena politik kerana bangsa dan negara memerlukan tenaga saya. Saya memastiki kabinet adalah dengan kehendak Tun Abdul Razak sendiri."²²

Sebagai Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail telah berganding bahu bersama Tun Abdul Razak dalam memperjuangkan matlamat-matlamat nasional kerajaan. Sewaktu menjalankan tugas-tugas negara beliau sering dianggap sebagai "savap kanan" kepada Tun Abdul Razak.²³

Walaupun wujud perbezaan corak kepimpinan antara beliau dengan Tun Abdul Razak tetapi beliau dapat menyesuaikan diri berkhidmat di bawah pimpinan Tun Abdul Razak. Memang diakui bahawa Tun Dr. Ismail mempunyai pendekatan yang tegas. Namun begitu, beliau tetap menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri.²⁴



Yang Amat Bernormat Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman sedang melaksanakan tujuan rasmu ke Indonesia pada 8.3.1972. Tun Dr. Ismail telah mengunjungi Tuanku Yang Terutama Menteri Negara bagi pertemuanan Indonesia, Jeneroi M. Panggabean di Wisma Tuanku.

Dalam persidangan Perhimpunan Agung UMNO yang ke-22 pada 23 dan 24 Januari 1971, Tun Dr. Ismail telah dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO. Seterusnya, apabila Majlis Tertinggi UMNO menubuhkan Biro-biro UMNO, Tun Dr. Ismail menjadi anggota Biro Politik dengan jawatan sebagai Pengurus dan Penyelaras Bahagian Pilihan Raya. Beliau juga merupakan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor.³⁰

Perkembangan-perkembangan politik yang berlaku dalam kepimpinan negara telah mewujudkan sebuah kerajaan campuran Perikatan-Pas yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1973. Sebuah Jawatankuasa Penyelaras Kerajaan Campuran Perikatan-Pas telah dibentuk dengan mempunyai empat belas orang anggota. Keanggotaan meliputi tujuh orang wakil dari Perikatan dan tujuh orang wakil Pas. Tun Dr. Ismail merupakan salah seorang wakil bagi Perikatan dalam jawatankuasa yang ditubuhkan itu.³¹

Seterusnya pada bulan Januari 1973, Tun Dr. Ismail diberikan jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Antara aktiviti beliau semasa menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian ialah mengadakan Majlis Taklimat mengenai kenaikan harga barang-barang pada bulan Jun 1973. Majlis ini diatur khas untuk wakil-wakil Bahagian UMNO.³²

Dalam menghadapi kemelesetan dan inflasi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah pimpinan Tun Dr. Ismail cuba mengambil langkah-langkah tertentu seperti mengawasi aliran harga barang-barang. Melalui dasar-dasar yang ditetapkannya, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dapat mencapai matlamat kerajaan untuk mengekalkan kestabilan harga bagi tempoh yang panjang.

Jelaslah bahawa selepas kemerdekaan Tanah Melayu, peranan Tun Dr. Ismail masih penting dalam membangunkan negara. Pengalaman dan penglibatan beliau pada masa lalu menyebabkan beliau dianggap seorang tokoh yang turut memberi sumbangan penting bagi mengisi kemerdekaan yang telah dicapai. Walaupun

"... saya kembali ke arena politik kerana bangsa dan negara memerlukan tenaga saya. Saya memasuki kabinet adalah dengan kehendak Tun Abdul Razak sendiri."²⁷

Sebagai Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail telah berganding bahu bersama Tun Abdul Razak dalam memperjuangkan matlamat-matlamat nasional kerajaan. Sewaktu menjalankan tugas-tugas negara beliau sering dianggap sebagai "sayap kanan" kepada Tun Abdul Razak.²⁸

Walaupun wujud perbezaan corak kepimpinan antara beliau dengan Tun Abdul Razak tetapi beliau dapat menyesuaikan diri berkhidmat di bawah pimpinan Tun Abdul Razak. Memang diakui bahawa Tun Dr. Ismail mempunyai pendekatan yang tegas. Namun begitu, beliau tetap menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh Tun Abdul Razak sebagai Perdana Menteri.²⁹



Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman sedang melakukan lawatan rasmi ke Indonesia pada 8.3.1972. Tun Dr. Ismail telah mengunjungi Tuan Yang Terutama Menteri Negara Bagi Pertahanan Indonesia, Jeneral M. Panggabean di Wisma Yani.

Dalam persidangan Perhimpunan Agung UMNO yang ke-22 pada 23 dan 24 Januari 1971, Tun Dr. Ismail telah dilantik sebagai Timbalan Presiden UMNO. Seterusnya, apabila Majlis Tertinggi UMNO menubuhkan Biro-biro UMNO, Tun Dr. Ismail menjadi anggota Biro Politik dengan jawatan sebagai Pengurus dan Penyelaras Bahagian Pilihan Raya. Beliau juga merupakan Ketua Perhubungan UMNO Negeri Johor.³⁰

Perkembangan-perkembangan politik yang berlaku dalam kepimpinan negara telah mewujudkan sebuah kerajaan campuran Perikatan-Pas yang berkuatkuasa pada 1 Januari 1973. Sebuah Jawatankuasa Penyelaras Kerajaan Campuran Perikatan-Pas telah dibentuk dengan mempunyai empat belas orang anggota. Keanggotaan meliputi tujuh orang wakil dari Perikatan dan tujuh orang wakil Pas. Tun Dr. Ismail merupakan salah seorang wakil bagi Perikatan dalam jawatankuasa yang ditubuhkan itu.³¹

Seterusnya pada bulan Januari 1973, Tun Dr. Ismail diberikan jawatan sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian. Antara aktiviti beliau semasa menjadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian ialah mengadakan Majlis Taklimat mengenai kenaikan harga barang-barang pada bulan Jun 1973. Majlis ini diatur khas untuk wakil-wakil Bahagian UMNO.³²

Dalam menghadapi kemelesetan dan inflasi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah pimpinan Tun Dr. Ismail cuba mengambil langkah-langkah tertentu seperti mengawasi aliran harga barang-barang. Melalui dasar-dasar yang ditetapkannya, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dapat mencapai matlamat kerajaan untuk mengekalkan kestabilan harga bagi tempoh yang panjang.

Jelaslah bahawa selepas kemerdekaan Tanah Melayu, peranan Tun Dr. Ismail masih penting dalam membangunkan negara. Pengalaman dan penglibatan beliau pada masa lalu menyebabkan beliau dianggap seorang tokoh yang turut memberi sumbangan penting bagi mengisi kemerdekaan yang telah dicapai. Walaupun

beliau telah meletak jawatan pada masa tertentu tetapi tenaga dan fikirannya masih diperlukan sewaktu menghadapi masalah-masalah negara.

Nota Hujung:

1. Ibrahim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 637.
2. *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos 1973.
3. Ibrahim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 657.
4. *Berita Harian*, 4 Ogos 1973.
5. Ibrahim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 757.
6. *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos 1973.
7. *Berita Harian*, 15 Ogos 1973.
8. Ibid.
9. Ibid.
10. Ibid.
11. Jawatankuasa Negeri mempunyai kuasa yang tertentu mentadbir bahagian-bahagian yang ada dalam sesebuah negeri dan menjadi badan perantaraan antara Majlis Kerja Tertinggi dengan bahagian-bahagian dalam sesebuah negeri. Lihat Ibrahim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 785-86.
12. *Berita Harian*, 4 Ogos 1973.
13. Ibid.
14. Ibid.
15. *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos 1973.
16. Tun Muhd. Sufian, *op.cit.*
17. Lihat Ibrahim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 844-45.
18. Tun Muhd. Sufian, *op.cit.*
19. Lihat Ibrahim Mahmood, *op.cit.*, hlm. 844-85.
20. Tun Muhd. Sufian, *op.cit.*

21. *Berita Harian*, 4 Ogos 1973.
22. Tun Muhd. Sufian, *op.cit.*
23. *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos 1973.
24. Peristiwa 13 Mei 1969 merupakan rusuhan kaum terbesar yang pernah berlaku dalam sejarah tanah air. Ia terjadi akibat daripada perasaan tidak puas hati yang wujud dalam perhubungan antara orang Cina dan Melayu.
25. Leon Chamber (terjemahan Omardin Haji Ashaari), *Peristiwa 13 Mei Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*, International Book Service, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 91.
26. *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos 1973.
27. *Dewan Masyarakat*, 5 Ogos 1973.
28. Abdul Majud Yusuff, *op.cit.*, hlm. 4.
29. *Far Eastern Economic Review*, 13 Ogos 1973.
30. *Suara Johor*, Ogos 1973.
31. Wakil Perikatan yang lain terdiri daripada Ghaffar Baba, Datuk Sri Syed Ahmad Shahabuddin, Datuk Haji Nik Hassan, Lee San Choon, Datuk Senu Abdul Rahman. Lihat Ibrahim Mahmood.
32. *Ibid.*, hlm. 955.

Sikap dan Pandangan Tun Dr. Ismail: Satu Analisis

PEMIMPIN TEGAS DAN OPTIMIS

Melalui penglibatan aktif dalam arena politik tanah air Tun Dr. Ismail telah banyak menyumbangkan jasa dari aspek ekonomi dan sosial khususnya. Sebagai seorang ahli politik Tun Dr. Ismail mempunyai sikap dan pendirian yang tersendiri terhadap perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam negara.

Walaupun beliau merupakan seorang pemimpin yang disanjungi dan dihormati tetapi beliau tidak menyombong diri. Kata-kata dan ucapan-ucapannya memperlihatkan beliau sentiasa merendah diri dan sederhana dalam hidup. Ini dapat dilihat daripada petikan kata-kata beliau:

"Saya selalu menganggap diri saya sebagai seorang ahli politik yang separuh hati kerana tak pernah saya bercita-cita hendak menjadi seorang tokoh masyarakat. Peristiwa-peristiwalah yang menarik saya masuk, kemudian keluar dan masuk semula ke dalam politik. Saya kira saya hanyalah seorang doktor yang agak resah ... Saya akan terus dalam politik selama saya diperlukan."¹



Walaupun cuaca amat panas, orang ramai tidak melepaskan peluang untuk melihat wajah Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail di Mersing.

Tun Dr. Ismail mempunyai keyakinan penuh terhadap masa depan negara. Beliau yakin rakyatnya akan mempunyai kekuatan rohani dan jasmani yang besar untuk menempuh masa depan yang cemerlang. Jika ditinjau daripada kata-kata beliau ternyata beliau seorang yang optimis. Sikapnya ini sering diperkatakan dalam ucapan-ucapannya. Menurut beliau, untuk berjaya dalam apa jua bidang ia bergantung kepada sikap dan pandangan hidup. Seseorang itu mestilah sentiasa membuka fikiran seluas mungkin untuk menerima pendapat orang lain. Dalam hal ini, beliau bersikap fleksibel. Beliau percaya orang Melayu akan terus diterima sebagai kumpulan pemimpin bangsa dan tanah air.²

Keyakinan dan kepercayaan bahawa bangsa Melayu akan terus maju dapat dilihat daripada kata-katanya:

"Sekalipun dalam perkembangan sekarang ada rasa bimbang atas kegiatan satu kaum lain, tetapi saya yakin nasib bangsa Malaysia, harapannya untuk menuju ke muka sebagai bangsa yang progresif adalah terjamin."³



Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr Ismail menerima pingat Sri Penglima Darjah Kinabalu daripada Yang Dipertuan Negara Sabah, Tuan Pengiran Haji Ahmad Raffae di istana. Anugerah ini membawa gelaran Dato'.

Sesungguhnya, Tun Dr. Ismail mempunyai cita-cita yang tinggi dan berjiwa besar. Sepanjang perkhidmatan beliau dalam negara, beliau turut memberikan sumbangan besar untuk mengisi kemerdekaan. Sungguhpun sumbangan yang diberikan tidak dapat dilihat dengan nyata tetapi dari segi sumbangan pemikiran, beliau merupakan seorang ahli politik yang berjaya, memandangkan teguhnya pendirian beliau dalam sesuatu hal.

Walaupun Tun Dr. Ismail seorang yang tegas, beliau sentiasa berhati-hati apabila memberikan sebarang pendapat. Ini dapat dilihat melalui sikap yang ditunjukkan terhadap pemberita. Setiap

pertanyaan dijawab dengan penuh keyakinan tetapi berhati-hati dan hanya dijawab jika difikirkan perlu. Sebaliknya jika dirasakan persoalan yang dikemukakan tidak perlu dijawab maka dibiarkan sahaja.⁴

Berpegang kepada peraturan dan undang-undang menjadi sebahagian prinsip hidup Tun Dr. Ismail. Tidak hairanlah kejayaan beliau dalam politik adalah hasil daripada pendiriannya itu. Walaupun beliau mempunyai pengaruh dan kedudukan yang tinggi tetapi bukanlah mudah untuk mendapatkan sesuatu daripada beliau. Ini kerana bagi dirinya politik adalah undang-undang. Walaupun undang-undang dicipta oleh politik tetapi politik itu pula haruslah dikawal oleh undang-undang.⁵

Sebagai ahli politik yang bertanggungjawab terhadap parti beliau sering menekankan pentingnya peranan ahli-ahli parti dalam menghadapi masalah rakyat. Baginya, matlamat parti untuk meninggikan taraf hidup serta berusaha ke arah memenuhi hasrat rakyat dari segi kepentingan ekonomi dan sosial serta menjadikan masyarakat maju dan moden.⁶



Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail sedang disambut ketibaannya oleh Pengurus Kerja Raya Majlis Perwakilan Negeri Johor, Datuk Chua Song Lim. Di kiri, Menteri Besar Pahang, Datuk Abd Aziz Ahmad dan Menteri Besar Johor, Datuk Hj. Othman Saat.

Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab beliau mempunyai pendirian bahawa setiap yang dilakukan haruslah berpegang kepada kebenaran. Sikapnya ini wujud daripada didikan yang diterima sejak kecil dan juga hasil latihan dalam bidang kedoktoran yang menekankan disiplin sebagai perkara utama. Beliau pernah mengatakan bahawa jika seorang doktor mengabaikan disiplin, pesakitnya akan mati tetapi bagi manusia yang tidak berdisiplin tidak ada suatu yang baik dapat dihasilkan. Justeru semasa menjadi pemimpin, beliau berpegang kepada pendiriannya dan bagi pegawai-pegawai kerajaan beliau menyeru agar mereka berdisiplin dalam tugas supaya dasar-dasar negara dapat dilaksanakan dengan cepat.⁷



Majlis pelancaran rasmi Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) oleh Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail di Lapangan Terbang Antarabangsa Subang. Tun Dr. Ismail sedang berjalan ke pesawat MAS diiringi oleh Menteri Pengangkutan, Tun Sardon Haji Jubir dan Pengurusi MAS, En. G.K. Rama Iyer.

Keyakinan dan cita-cita terhadap pembentukan bangsa menjadi asas kepada konsep perjuangan yang diamalkan oleh Tun Dr. Ismail. Menurut beliau, nasib sesuatu parti dan nasib negara adalah saling berkait rapat. Ini kerana parti yang memerintah menentukan nasib bangsa dan negara. Maka, beliau mempunyai pegangan bahawa parti haruslah berfungsi sebagai satu dan mengandungi setiap kumpulan dalam masyarakat.⁸

Menurutnya lagi, konsep perjuangan nasionalisme haruslah menampung hasrat dan cita-cita seluruh rakyat bukan bersifat *factionism* atau *chauvinism*.⁹

KONSEP BERBILANG KAUM

Tun Dr. Ismail dikatakan seorang yang menitikberatkan perpaduan negara. Sikapnya ini ketara dalam kata-kata yang diucapkan semasa menjadi seorang menteri. Beliau sentiasa menekankan betapa pentingnya rakyat sesebuah negara berfikir bersama-sama tanpa mengira kaum, agama dan warna kulit.¹⁰

Ditinjau dari aspek tindak-tanduk beliau semasa menjadi pemimpin bolehlah dikatakan beliau seorang yang berpegang kepada konsep berbilang kaum. Beliau mengakui bahawa dasar yang dilaksanakan meliputi kehendak pelbagai kaum kerana baginya setiap tindakan yang dilakukan sesebuah kaum memberikan kesan yang langsung terhadap kaum lain.¹¹

Pendirian yang sebegini mungkin disebabkan Tun Dr. Ismail menyedari bahaya mengamalkan sikap perkauman berdasarkan pengalaman yang dilalui dalam Peristiwa 13 Mei 1969.

Walau bagaimanapun menurut konsep sedemikian tidak bermakna beliau mengetepikan hak-hak bangsa Melayu di negara ini. Pendirian beliau berdasarkan kepada realiti bahawa manusia itu semuanya sama dan tidak perlu ada prejedis antara satu sama lain. Malahan beliau tetap tegas mengakui bahawa kaum-kaum lain di negara ini patut memberi peluang kepada orang Melayu.¹²

Pada hakikatnya matlamat Tun Dr. Ismail ialah dapat menyumbangkan kemakmuran dan keharmonian kepada negara. Adalah menjadi harapan beliau untuk melihat keharmonian antara kaum wujud di negara ini. Jika semangat tersebut dimusnahkan timbulah kesusahan dan tiada apa yang dapat dilakukan untuk mengatasinya.¹³

Namun begitu beliau mempunyai pendirian bahawa teras kebudayaan negara ini haruslah berunsurkan Melayu walaupun unsur-unsur kebudayaan lain tidak ditolak. Pengaruh kebudayaan Barat menyebabkan kebudayaan Malaysia bercorak. Oleh itu menurut beliau terdapat aspek-aspek tertentu yang perlu dikekalkan iaitu bahasa dan sastera. Inilah satu-satunya teras yang kekal dan menurut beliau elemen ini akan mengukuhkan pegangan bahawa kebudayaan Malaysia berlandaskan kebudayaan asli.¹⁴

Tun Dr. Ismail beranggapan bahawa adalah menjadi peranan sesebuah parti yang telah memenangi pilihan raya untuk bertanggungjawab menjaga kepentingan seluruh bangsa. Menurut beliau peranan kerajaan pemerintah ialah memberi perhatian kepada golongan minoriti dan golongan majoriti.

Peristiwa 13 Mei 1969 memberi kesedaran bahawa kerjasama antara kaum adalah penting bagi mewujudkan sebuah negara yang aman dan makmur. Oleh itu jika Tun Dr. Ismail dianggap sebagai anti-nasionalisme maka itu tidaklah benar. Ini kerana yang dikekalkan dalam konsep berbilang kaum adalah untuk mewujudkan suatu sikap toleransi antara sebuah kaum dengan kaum yang lain.¹⁵

PANDANGAN TERHADAP BELIA DAN GOLONGAN PELAJAR

Semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail tidak melupakan tanggungjawab negara terhadap golongan belia dan pelajar. Menurutnya, golongan tersebut perlulah diberi perhatian kerana mereka bakal menerajui kepimpinan negara pada masa hadapan.

Sikapnya terhadap kaum pelajar dan belia dapat dilihat melalui perjumpaan-perjumpaan dengan kumpulan tersebut. Untuk mendekati mereka, beliau melahirkan kritikan-kritikan yang pedas tetapi membina. Tun Dr. Ismail sering mengingatkan agar tidak wujud sebarang polarisasi belia dan pelajar. Menurut beliau, polarisasi tidak harus wujud di pusat pengajian tinggi kerana ia akan memberikan kesan yang tidak sihat kepada perkembangan demokrasi.¹⁶

Bersesuaian dengan sifat-sifat peribadi, Tun Dr. Ismail memenangkan pelajaran maka beliau sentiasa menggalakkan penuntut-penuntut mempelajari dan menitikberatkan pelajaran sebagai suatu yang utama dalam hidup. Di samping itu penglibatan pelajar dalam politik yang berkaitan dengan nasib bangsa dan masa depan negara digalakkan oleh beliau sendiri.¹⁷



Satu perwakilan enam orang dari Kesatuan Mahasiswa Universiti Malaya, yang diketuai oleh Pemangku Presidennya, Encik Toh Kim Chye telah menemui Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman di pejabatnya di Kuala Lumpur berhubung dengan penahanan empat orang mahasiswa Universiti Malaya. Encik Toh Kim Chye disambut Tun Dr. Ismail dan di kanannya ialah peguam negara, Tan Sri Abdul Kadir bin Yusof.

Tun Dr. Ismail juga menegaskan tentang peranan para pelajar dan belia membantu kerajaan untuk mencapai objektif kerajaan bagi membina Malaysia yang bersatu di samping mendaulatkan bahasa kebangsaan. Apa yang lebih penting adalah tugas dan peranan para belia serta pelajar membentuk sebuah masyarakat yang adil dan makmur.¹⁸



Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail bin Dato Haji Abdul Rahman kelihatan sedang berucap di persidangan pura-pura Majlis Mesyuarat Bangsa-Bangsa Bersatu yang diadakan oleh murid-murid sekolah menengah di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Persidangan pura-pura ini diadakan sempena ulangtahan ke-25 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

KESELAMATAN DAN EKONOMI NEGARA

Bagi mewujudkan sebuah negara yang maju faktor-faktor keselamatan dan ekonomi perlu diberi perhatian serius. Justeru sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Tun Dr. Ismail memastikan pucuk pimpinan negara meletakkan keadilan sebagai terasnya.



Mesyuarat Jawatankuasa Sempadan Malaysia-Indonesia, Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail tiba di Bali pada 3.7.1973.

Kestabilan politik dan keharmonian hidup yang telah dicapai setelah Peristiwa 13 Mei dapat dijadikan ukuran kemampuan Tun Dr. Ismail untuk mengembalikan semula keyakinan rakyat dan seterusnya membawa negara melangkah ke zaman baru.¹⁹

Sebagai langkah berhati-hati agar peristiwa-peristiwa buruk tidak berlaku lagi beliau telah mengemukakan Akta Hasutan. Langkah yang telah diambil menggambarkan beliau seorang yang berpandangan jauh. Fikirannya yang tajam dan mendalam membolehkan beliau memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh masyarakat.²⁰

Beliau percaya bahawa dalam menghadapi masalah ancaman komunis, tindakan ketenteraan sahaja tidak mencukupi. Sebaliknya langkah yang wajar dilakukan ialah dengan cara meninggikan taraf sosial dan ekonomi.²¹

Sebutungan ini, Tun Dr. Ismail sebagai Menteri Dalam Negeri sewajarnya mementingkan keamanan dan memastikan agar rakyat mematuhi undang-undang negara. Dalam ucapan-ucapannya,

beliau menyeru rakyat agar memelihara undang-undang negara dan mempertahankan keselamatan negara daripada anasir-anasir yang menimbulkan kekacauan dalam negeri. Beliau memastikan agar pasukan keselamatan menjalankan tugas mempertahankan undang-undang tanpa sikap diskriminasi.²²

Jika dinilai sikap dan pandangan Tun Dr. Ismail, beliau mempunyai keinginan mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih dan jujur. Amalan rasuah dipandang sebagai satu penyakit yang jika dibiarkan merebak akan memusnahkan bangsa. Oleh itu semasa menjadi menteri beliau tidak ragu-ragu bertindak menghapuskan gejala-gejala yang akan merosakkan negara.²³



Tun Dr. Ismail sedang berucap dalam mesyuarat dengan pegawai-pegawai Badan Pencegah Rasuah di Kuala Lumpur.

Dari aspek ekonomi negara, Tun Dr. Ismail selalu menekankan tentang penglibatan kaum bumiputera dalam lapangan perniagaan. Namun begitu beliau mengingatkan untuk menjadi seorang ahli perniagaan yang berjaya bukanlah mudah. Seseorang itu perlu mengetahui selok-belok perniagaan itu sendiri. Adalah tidak wajar menceburkan diri dalam lapangan perniagaan semata-mata untuk menjadi seorang pengarah tanpa melibatkan diri sepenuhnya.²⁴

Tun Dr. Ismail berpegang kepada pendirian bahawa seorang ahli perniagaan harus mempunyai sikap memandang jauh ke hadapan. Peluang-peluang baru yang ada mestilah diambil oleh peniaga-peniaga Melayu agar mereka memajukan diri. Di samping itu Tun Dr. Ismail berpendirian bahawa masyarakat bukan bumiputera juga diperlukan dalam memajukan ekonomi negara.²⁵

HUBUNGAN ANTARABANGSA DAN DASAR LUAR NEGERI


Tun Dr. Ismail bukan hanya dilihat sebagai seorang ahli politik dalam negeri tetapi juga sebagai seorang diplomat yang aktif bergerak di bidang antarabangsa. Pandangan-pandangan yang dilahirkan melalui lawatan-lawatan ke luar negeri telah memperkuatkan kestabilan politik rantau ini.

Sikap beliau yang mementingkan keamanan dan kemakmuran negara menyebabkan beliau mengesyorkan kerjasama serantau dan dasar berkecuali. Keutuhan politik dan kerjasama yang wujud antara negara-negara Asean merupakan bukti kejayaan diplomasi Tun Dr. Ismail. Beliau melahirkan idea agar keanggotaan Asean diperluaskan kepada semua negara Asia Tenggara.²⁶ Walaupun idea dasar berkecuali mungkin tidak disenangi oleh golongan tertentu tetapi Tun Dr. Ismail optimis terhadap perkembangan politik dalam dan luar negeri. Hal ini tergambar daripada kata-kata beliau:

"Malaysia memasuki era baru dalam politik dalam dan luar negeri. Di luar negeri di bawah dasar bebas dan berkecuali. Malaysia termasuk dalam golongan negara-negara *non-aligned* dan tidak mengikat diri dalam sebarang ikatan politik dan pertahanan dengan mana-mana kuasa. Dasar ini sungguhpun tidak digemari oleh setengah-setengah pihak tetapi untuk mencerminkan keperibadian bangsa Malaysia yang ingin hidup bebas dan berdaulat, kita akan terus berpegang pada dasar luar negeri tanpa bimbang takut."²⁷

Melalui kata-kata beliau, dapatlah digambarkan Tun Dr. Ismail mempunyai pandangan yang optimis terhadap keselamatan dan perjalanan politik negara.

Di peringkat antarabangsa, Tun Dr. Ismail merupakan diplomat yang memperlihatkan ketangkasannya berhujah. Beliau mampu melahirkan pandangan dan kritikan yang tajam. Sikap dan pandangan seperti itu dilahirkan dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.



Menteri Luar Australia, Yang Berhormat Tuan LHE Bury (kiri) yang mengunjungi YAB Timbalan Menteri, Tun Dr. Ismail bin Dato' Abdul Rahman, di pejabatnya di Kuala Lumpur.

Sebagai wakil tetap Malaysia dalam Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu maka soal-soal rakyat yang tertindas mendapat perhatian dalam ucapan-ucapan Tun Dr. Ismail di perhimpunan tersebut. Soal-soal rakyat Afrika yang menderita, Vietnam yang dilanda bencana dan kaum Palestin yang kehilangan maruah tidak pernah terlepas daripada perhatian.

Pandangan dan pendirian terhadap golongan-golongan yang tertindas dapat dilihat melalui ucapan ataupun hujahnya di Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu. Tun Dr. Ismail berkata:

"Kuasa-kuasa perkauman dan penindasan di Afrika Selatan, di Namibia, di Rhodesia dan di Angola dan Mozambique telah bertambah degil dan bongkak mengikut edaran masa ..."²⁸

Pandangan sebegini menunjukkan imej Tun Dr. Ismail yang berani memperjuangkan nasib rakyat tidak kira di mana berada. Walaupun tidak berjuang secara praktiknya tetapi pandangan-pandangan yang dilahirkan cukup untuk menggambarkan beliau sebagai seorang yang bersifat "humanis". Tun Dr. Ismail melambangkan beliau bukan sahaja milik Malaysia tetapi milik seluruh negara Afro-Asia. Tidak hairanlah beliau begitu disanjungi dan berpengaruh di kalangan tokoh-tokoh dalam negeri dan pemimpin-pemimpin luar negara.

Jika dinilai sikap dan pandangan Tun Dr. Ismail terhadap soal-soal politik, ekonomi dan sosial ternyata beliau mempunyai pandangan jauh untuk melahirkan bangsa yang berjaya dalam sebuah negara yang aman dan dihormati. Perhatian beliau bukan hanya tertumpu kepada soal-soal dalam negeri malah melangkaui sempadan antarabangsa.



YAB Timbalan Perdana Menteri, Tun Dr. Ismail Dato' Abdul Rahman telah merasmikan Seminar Antarabangsa mengenai kemajuan juru-juru ukur dan ekonomi tanah, Negara-negara Komanwel di Asia, di Dewan bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. Gambar menunjukkan Tun Dr. Ismail sedang diperkenalkan kepada wakil dari Ceylon, Encik Yapa.

Nota Hujung:

1. *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos 1973.
2. Ucapan Y.A.B Tun Dr. Ismail semasa menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 9 Jun 1973.
3. Ibid.
4. Abdul Majud Yusuff, *op.cit.*, hlm. 17.
5. *Suara Johor*, Ogos 1973.
6. Penyata UMNO Malaysia, 1973/74, Ibu Pejabat UMNO Malaysia.
7. *Suara Johor*, Ogos 1973.
8. Ucapan Y.A.B Tun Dr. Ismail merasmikan Sidang Bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO, Dewan Bahasa dan Pustaka, 29 Jun 1973.
9. Ibid.
10. *Balai Muhibah*, Ogos 1973.
11. Ucapan Y.A.B Tun Dr. Ismail di Seminar Kepimpinan Pelajar Kebangsaan, Kolej Pertanian Serdang, Selangor, 11 September 1972.
12. Wawancara dengan YB Encik Taufik bin Tun Dr. Ismail, Bangunan PEREMBA, 12-11-86, jam 10.00 pagi.
13. *Sunday Times*, 5 Ogos 1973.
14. Ucapan Tun Dr. Ismail di Seminar Kepimpinan Pelajar Kebangsaan, Kolej Pertanian Serdang, 11 September 1973.
15. *Balai Muhibah*, Ogos 1973.
16. Ucapan Tun Dr. Ismail di Seminar Kepimpinan Pelajar Kebangsaan, Kolej Pertanian Serdang, 11 September 1972.
17. *Dewan Masyarakat*, Ogos 1973.
18. Ucapan Tun Dr. Ismail di Seminar Kepimpinan Pelajar Kebangsaan, Kolej Pertanian Serdang, 11 September 1972.
19. *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos 1973.
20. Ibid.
21. *Sunday Times*, 5 Ogos 1973.

22. J. Victor Moraes, *Selected Speeches A Golden Treasury of Asian Thought and Wisdom*, J. Victor Moraes, S.B. St. J., 1967, hlm. 71.
23. Tun Muhd. Sufian, *Tun Dr. Ismail Oration*.
24. *Dewan Masyarakat*, Ogos 1973.
25. Ucapan Tun Dr. Ismail di Upacara Penutup Seminar Ekonomi Bumiputera, Hotel Hilton, Kuala Lumpur 6 April 1973.
26. *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos 1973.
27. Ibid.
28. *Mingguan Malaysia*, 5 Ogos 1973.

6 Penutup

TUN DR. ISMAIL TINGGALKAN JASA

Tun Dr. Ismail meninggal dunia pada 2 Ogos 1973 dalam usianya 57 tahun.¹ Pada masa itu beliau memangku jawatan Perdana Menteri kerana Tun Abdul Razak berada di Ottawa. Tun Abdul Razak menghadiri sidang kemuncak Komanwel. Tun Dr. Ismail pada saat akhir hayatnya telah menghadiri perasmian sambutan Hari Jubli Perak Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung.

Beliau meninggal dunia di saat-saat negara masih memerlukan khidmatnya. Beliau merupakan seorang pemimpin yang disanjungi dan dihormati. Justeru, kehilangannya turut dirasai oleh semua lapisan masyarakat dan pemimpin-pemimpin dalam dan luar negara.

Tun Abdul Razak ketika pulang dari Ottawa meluahkan perasaan terharu atas kematian Tun Dr. Ismail. Menurutnya, Tun Dr. Ismail disifatkan sebagai seorang rakan sejawat yang setia. Kehilangan Tun Dr. Ismail disifatkan sebagai kehilangan "tonggak kekuatan negara". Tun Abdul Razak mengatakan Tun Dr. Ismail seorang yang berpendirian tegas dan sanggup mengorbankan kepentingan sendiri demi menjalankan tugas-tugas negara.²

Sebagai menghargai jasa-jasa Tun Dr. Ismail terhadap negara dan bangsa jenazah beliau telah dikebumikan di Makam Pahlawan Negara atas kehendak Tun Abdul Razak. Tun Dr. Ismail merupakan pemimpin negara pertama yang dikebumikan di makam tersebut. Ini menggambarkan bahawa khidmat Tun Dr. Ismail terhadap bangsa dan negara tidak dilupakan begitu saja. Jasa-jasa beliau ke arah mencapai perpaduan antara kaum sentiasa dikenang.

Sumbangan yang diberikan oleh Tun Dr. Ismail semasa menjalankan tugas sebagai pemimpin dan ahli politik tidak dapat dinilai melainkan dengan menghargai jasa-jasa beliau itu. Ini dapat dilihat daripada gelaran-gelaran dan penghargaan yang beliau terima sepanjang hayatnya.

Oleh kerana khidmatnya yang cemerlang kepada negara beliau telah dikurniakan Darjah Panglima Mangku Negara oleh Yang di-Pertuan Agong dalam senarai pengurniaan merdeka pada 31 Ogos 1959.³

Penglibatan aktif beliau dalam soal-soal politik antarabangsa khasnya mengenai soal Vietnam ternyata mendapat perhatian dan dihargai. Ini terbukti apabila pada bulan Oktober, 1965 Tun Dr. Ismail dikurniakan Darjah Kebesaran Vietnam iaitu *Vietnam National Order Grand Officer*. Dalam bulan yang sama, beliau telah dikurniakan anugerah Seri Paduka Mahkota Johor (SPMJ) daripada Sultan Johor.⁴

Majlis Senat Universiti Malaya turut memperingati dan menghargai jasa-jasa Tun Dr. Ismail dengan mengurniakan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang pada 13 Jun 1964. Seterusnya pada bulan April, 1966 beliau dikurniakan Seri Setia Mahkota yang membawa gelaran Tun.⁵

Ketokohan Tun Dr. Ismail turut mendapat penghargaan kerajaan Indonesia apabila beliau telah dikurniakan Bintang Republik Indonesia Kelas Dua. Penghargaan ini diterima semasa Presiden Suharto melawat Malaysia pada tahun 1970.⁶



Sultan Johor kelihatan sedang mengurniakan darjah kebesaran (SPMJ) kepada Menteri Keselamatan Dalam Negerti Malaysia, Dato' Dr. Ismail Dato' Haji Abdul Rahman di hari keputeraan baginda.

Seterusnya dalam Konvensyen Pertama Universiti Sains Malaysia pada 9 Januari 1973, Tun Dr. Ismail telah menerima Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang.

Memandangkan gelaran-gelaran dan penghargaan yang pernah diterima oleh Tun Dr. Ismail sewaktu hidupnya jelaslah beliau seorang patriot negara. Ini menunjukkan bahawa peranan yang telah dimainkan oleh Tun Dr. Ismail mendapat pengiktirafan dalam negeri dan luar negara. Kehilangan beliau turut dirasakan oleh negara-negara jiran khasnya Indonesia. Pada hari pengebumian beliau, Jeneral Panggabean wakil Presiden Suharto telah menegaskan bahawa kehilangan Allahyarham Tun Dr. Ismail turut dirasakan oleh bangsa Indonesia. Tun Dr. Ismail meninggal dunia di saat-saat bangsa Indonesia dan Malaysia sedang berusaha menjalinkan persaudaraan.⁷



Tun Dr. Ismail telah mengunjungi Tuan Yang Terutama Menteri Negara Bidang Ekonomi, Kewangan dan Industri, Indonesia, Sri Sultan Hamengku Buwono IX di pejabatnya. Tuan Yang Terutama Sri Yaakob bin Abdul Latif, Duta Besar Malaysia di Indonesia.

KESIMPULAN

Allahyarham Tun Dr. Ismail lahir dalam sebuah keluarga intelektual Johor yang mempunyai pengaruh yang luas dalam masyarakat setempat. Bapanya, Dato' Abdul Rahman bin Mohd. Yassin merupakan seorang pembesar tradisional kerajaan Johor dan merupakan pegawai kanan kerajaan Johor. Keluarga ini juga merupakan sebuah keluarga yang berada dan mewah dari segi harta benda memandangkan Dato' Abdul Rahman berketurunan orang kaya dari Muar.

Dengan latar belakang keluarga yang sedemikian tidak hairanlah Tun Dr. Ismail menerima pendidikan yang tinggi. Pendidikan awal beliau di English College, Johor Bahru dan pendidikan tinggi di King Edward, Medical College di Singapura. Pelajarannya telah diteruskan ke Universiti Melbourne, Australia sehingga lulus sebagai doktor.

Kelulusan sebagai doktor tidak menghalang Tun Dr. Ismail untuk menceburkan diri dalam arena politik tanah air. Penglibatan awal beliau dalam politik bermula dengan pemilihannya sebagai anggota bebas Dewan Undangan Negeri Johor pada tahun 1948. Seterusnya, kemenangan beliau dalam Pilihan Raya Persekutuan 1955 menjadi langkah pertama dalam menentukan kejayaan-kejayaan seterusnya.

Bermula tahun 1955 hingga tahun-tahun selepas kemerdekaan, Tun Dr. Ismail telah memberikan sumbangan yang tidak kurang penting ke arah mewujudkan dan membentuk negara dan bangsa. Ditinjau dari segi perkhidmatannya, beliau merupakan orang kanan dalam kabinet kerajaan kerana beliau adalah antara mereka yang telah dilantik ke dalam kabinet British melalui Sistem Ahli. Seterusnya beliau juga telah terlibat secara langsung dalam rundingan Tanah Melayu di London bersama rombongan Tunku Abdul Rahman. Dalam kabinet pertama selepas kemerdekaan, Tun Dr. Ismail turut dilantik sebagai menteri.



Pemergian tokoh besar yang turut dirasai kehilangannya oleh negara.

Khidmat yang telah diberikan dalam pelbagai kementerian meletakkan diri beliau di tahap yang tinggi. Ketokohan dirinya sebagai pemimpin dilihat daripada sifat ketegasan dan pendirian yang kukuh. Keyakinannya terhadap politik dan kemajuan negara menyebabkan beliau disanjung dan dihormati oleh setiap lapisan masyarakat.

Sikap dan pendirian Tun Dr. Ismail terhadap soal-soal politik, ekonomi dan sosial menyebabkan beliau terkenal di kalangan anggota masyarakat. Ini telah terbukti melalui kejayaan-kejayaan yang diterima sepanjang mengabdikan diri dalam politik tanah air.

Tun Dr. Ismail dikatakan sebagai salah seorang pemimpin zaman merdeka yang telah memainkan peranan yang jelas untuk mengisi kemerdekaan. Kemunculannya dalam lingkungan politik adalah secara tiba-tiba dan namanya juga meningkat secara tiba-tiba. Tun

Dr. Ismail tidak mempunyai pengalaman politik yang luas tetapi disebabkan pengaruh sekeliling beliau telah mendapat tempat yang baik dalam arena politik selepas zaman kemerdekaan.

Kejayaan yang dicapai oleh Tun Dr. Ismail adalah kerana kebolehan yang dimilikinya. Di samping seorang yang mempunyai kelulusan pendidikan yang tinggi, beliau pandai berhujah. Walaupun beliau seorang doktor tetapi kepintaran beliau dalam mengkritik dan mengemukakan hujah telah menaikkan nama beliau.

Kemunculan Tun Dr. Ismail dalam lingkungan politik mungkin disebabkan pengaruh kedudukan bapanya Dato' Abdul Rahman, seorang pegawai kanan kerajaan Johor. Latar belakang keluarga menyebabkan pengaruh beliau begitu luas. Beliau bolehlah dikatakan sebagai pemimpin lapisan kedua yang memimpin Johor selepas Dato' Onn. Beliau bolehlah dikatakan telah menggantikan tempat Dato' Onn sebagai pemimpin lapisan kedua masyarakat Melayu khasnya di Johor.

Justeru, adalah wajar beliau dianggap sebagai seorang negarawan yang berjasa kepada bangsa dan negara khususnya dalam memberikan sumbangan pemikiran ke arah mewujudkan negara yang bersatu padu. Beliau bukan sahaja seorang pencinta bangsa dan tanah air tetapi adalah seorang pemimpin yang tegas, berani dan rela mengorbankan kepentingan diri sendiri. Khidmat dan baktinya wajar dikenang dan kekal abadi dalam sejarah.

Nota Hujung:

1. *Berita Harian*, 4 Ogos 1973.
2. Ibid.
3. *Catatan Riwayat Hidup Tun Dr. Ismail*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
4. Ibid.

5. *Berita Harian*, 4 Ogos 1973.
6. Ibid.
7. *Berita Harian*, 5 Ogos 1973.

Lampiran 1

MENYEDIAKAN PIMPINAN MASA HADAPAN

(Ucapan Y.A.B Tun Dr. Ismail di Upacara Merasmikan Seminar Kepimpinan Pelajar-pelajar Kebangsaan, Kolej Pertanian Serdang, 11 September 1972).

SAYA sukacita kerana mendapat peluang untuk hadir dalam majlis ini di samping merasmikan Seminar Pimpinan Pelajar-pelajar anjuran Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Malaysia.

Pada hemat saya, seminar seperti ini, terutama sekali dalam usaha membentuk dan mencari fikiran baru terhadap usaha memimpin belia khasnya golongan pelajar, sangatlah penting dalam zaman pembangunan negara yang berjalan lancar sekarang.

Inginlah saya menyampaikan tahniah kepada PKPM yang menganjurkan seminar ini.

Saya juga mengambil kesempatan ini memberikan amanat dengan harapan supaya ingatan dan nasihat yang saya berikan ini menjadi satu petunjuk bukan sahaja kepada ahli-ahli persatuan dan peserta-peserta seminar ini, tetapi juga kepada kaum pelajar di seluruh negara khasnya di pusat-pusat pengajian tinggi.

Saya diberitahu bahawa inilah kali pertama PKPM menganjurkan Seminar Latihan Pimpinan ini untuk mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh negara dan dengan itu melibatkan pelajar-pelajar dalam gerakan pembangunan yang sedang dilaksanakan sekarang ini.

Melihat dari program yang telah diaturkan, saya yakin ceramah-ceramah yang akan diberikan serta perbincangan yang berikut akan memberi garis panduan dalam menyedia dan melengkapkan pelajar-pelajar untuk turut dalam gerakan pembangunan ini, lebih-lebih lagi peserta-peserta seminar ini yang terdiri daripada golongan yang akan mewarisi pimpinan negara dalam tempoh satu generasi akan datang.

Sebenarnya usaha seperti ini bukan sahaja kena pada masanya, tetapi sangat wajar kerana pelajar-pelajar pada tingkatan ini bukan sahaja patut melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, tetapi juga menyedari dan memahami akan masalah negara dan bagaimana pula pemimpin-pemimpin berusaha menyelesaikan masalah ini untuk memberikan manfaat kepada rakyat dan kesempurnaan hidup mereka.

Sungguhpun badan-badan pelajar yang lain telah pun berusaha ke arah ini di masa yang lepas, tetapi saya mengalu-alukan usaha PKPM ini kerana peserta-pesertanya terdiri daripada semua bangsa yang menggambarkan perpaduan rakyat negara ini.

Lebih-lebih lagi PKPM telah juga menganjurkan di masa lepas usaha membawa kumpulan pelajar tinggal bersama-sama dengan rakyat di luar bandar dan memberikan pimpinan dan panduan serta merevolusikan mental mereka sesuai dengan kehendak zaman sains dan teknologi ini.

Satu hal yang saya sangat harapkan ialah supaya masalah luar bandar yang dihadapi oleh rakyat biasa difahami sedalam-dalamnya oleh rakyat terutama pelajar-pelajar yang hidup dalam suasana bandar yang secara kebetulan kebanyakannya terdiri daripada satu kaum tertentu untuk mengetahui penderitaan dan penghidupan

mereka yang sama sekali kekurangan kalau dibandingkan dengan orang-orang yang tinggal di dalam bandar.

Dengan kesedaran ini kelak, saya yakin akan kuranglah salah faham tentang mengapa kerajaan menumpukan perhatian terhadap masalah luar bandar ini oleh kerana matlamat kita menuju kepada masyarakat adil dan usaha yang seperti ini bukan sahaja menjadi satu prioriti, tetapi juga menjadi kewajipan kepada seorang pemimpin yang memegang tumpuk kerajaan dan yang benar-benar berusaha untuk menjadikan keadilan masyarakat itu satu kenyataan.

Di masa-masa akhir ini telah timbul pula aktiviti belia dan juga pelajar di pusat-pusat pengajian tinggi yang memerlukan perhatian dan penyelesaian. Saya maksudkan ini pada tunjuk-tunjuk perasaan yang telah dijalankan oleh mahasiswa universiti.

Saya tidak berniat untuk membahaskan isu yang menjadi punca timbulnya aktivis pelajar ini, akan tetapi saya hanya mengulas aktiviti pelajar dan hubungannya dengan realiti masyarakat berbilang bangsa di Malaysia dan juga perkembangan politik, sosial dan ekonomi negara seluruhnya.

Saya mengakui bahawa pelajar-pelajar di negara ini telah mencapai peringkat boleh berfikir sendiri, sungguhpun ada kalanya fikiran-fikiran yang timbul itu terlalu sempit atau *one-track* dan tidak menerima logik dari perkembangan yang berlaku di sekeliling kita. Pelajar-pelajar yang muncul pada hari ini umumnya, adalah golongan yang lahir selepas Perang Dunia Kedua dan dibesarkan dalam zaman negara telah merdeka.

Dalam menilai atau mengkritik sesuatu yang timbul waktu ini, saudara patut juga menimbangkan bagaimana tokoh politik generasi saya berjuang mencapai kemerdekaan negara serta kesulitan yang kami hadapi di zaman penjajahan. Dalam hubungan ini, saya ingin menggambarkan semula ingatan supaya latar belakang perjuangan itu dapat difahamkan dan menjadi panduan kepada pelajar yang akan muncul sebagai pimpinan negara di masa depan.

Kesulitan pejuang-pejuang kemerdekaan hendak mencapai kemerdekaan negara sangatlah besar terutama sekali mengingat bahawa ada golongan nasionalis di negeri ini yang bekerjasama dengan penjajah ataupun boleh mengkompromi prinsip perjuangan dengan kuasa penjajah pada masa itu. Oleh yang demikian, sebagai usaha mendapatkan kemerdekaan dan demi mengadakan satu *front* bersatu dengan kaum-kaum lain sebagai memperkuatkan tenaga perjuangan telah diadakan beberapa persetujuan dengan kaum lain terutama sekali orang-orang Cina dan India.

Pada hakikatnya kompromi yang telah dicapai itu berasaskan dua faktor. Pertama, Malaya Merdeka akan membawa harapan bahawa orang-orang Melayu mendapat kedudukan istimewa dan taraf ekonomi mereka disamakan dengan kaum-kaum yang lain. Kedua, bagi orang bukan Melayu pula, mereka patutlah diberi kerakyatan oleh sebab kita menghadapi satu realiti di mana ramai penduduk-penduduk Tanah Melayu pada waktu itu bukan rakyat. Soal kerakyatan tersebut telah dipersetujukan dengan harapan supaya mereka ini menumpukan taat setia yang tidak berbelah bagi kepada negara Malaya waktu itu.

Dengan tercapainya kemerdekaan, sungguhpun kekuasaan politik berada di tangan pemimpin Melayu, pada hakikat yang sebenar Persekutuan Tanah Melayu ini adalah bercorak Malayan dan bukan hanya dipunyai oleh orang Melayu sahaja. Persekutuan Tanah Melayu yang merdeka merupakan hasil daripada perjuangan rakyat semua bangsa seluruhnya.

Satu perkara yang penting yang telah dapat diperjuangkan sebagai hasil kemerdekaan ialah soal bahasa. Pada satu ketika terdapat manifestasi di mana sebahagian besar rakyat di negara ini meragu-ragukan kemampuan bahasa Melayu menjadi bahasa rasmi ataupun keazaman pihak yang memerintah untuk mendaulatkan bahasa ini.

Hari ini bahasa sudah tidak lagi menjadi satu isu sungguhpun diakui bahawa pada amalan sehari-hari kita masih belum mencapai peringkat kesempurnaan seratus peratus.

Ini disebabkan bahasa Melayu telah ditekan begitu lama. Lebih-lebih lagi tugas untuk memperkaya bahasa dengan istilah serta perkataan baru telah melambatkan usaha kita. Namun demikian, tidak syak lagi satu kemajuan telah dicapai dalam masalah bahasa ini.

Sungguhpun bahasa amat penting sebagai lambang negara tetapi bagi negara Malaysia ini, saya berpendapat kiranya ia ingin maju ke hadapan dalam lingkungan kemajuan sains dan teknologi, dan dengan harapan untuk menandingi negara-negara lain, kita patutlah mempunyai satu bahasa kedua bagi melayakkan kita untuk duduk di tengah-tengah dunia antarabangsa.

Oleh sebab bahasa Inggeris telah diterima sebagai bahasa dunia, adalah logik bagi kita menggunakan bahasa ini untuk dipelajari dan diamalkan tanpa meletakkan tarafnya sama dengan bahasa ~~kebangsaan~~.

Sungguhpun bahasa Inggeris ini telah digunakan oleh penjajah untuk mempengaruhi serba-serbi penghidupan kita di masa yang lepas, tidaklah bererti kita tidak dapat menggunakannya sebagai bahasa kedua itu oleh sebab, pertama, ia telah dipelajari dan digunakan pada masa yang lepas dan di samping itu usaha mempelajarinya tidaklah sulit sebagaimana bahasa lain.

Sungguhpun saya berpegang kuat dengan konsep bahasa kedua ini, akan tetapi tidaklah bererti bahawa bahasa kedua ini mengambil tempat yang utama dalam pengajaran-pengajaran terutama sekali sebagai bahasa pengantar di pusat-pusat pengajian. Yang demikian, konsep kita terutama para angkatan pelajar haruslah tegas dan jelas iaitu kita bukanlah bermaksud hendak mendirikan satu Malay-Malaysia, tetapi Malaysia yang dipunyai serta bakal diwarisi oleh semua warganegara tanpa mengira bangsa dan agama.

Satu bidang lain yang sangat penting juga ialah mengenai kebudayaan. Di negara ini pada hakikatnya kebudayaan yang wujud sekarang merupakan sintesis daripada pengaruh kebudayaan-kebudayaan terbesar di Asia Tenggara yang berasal daripada India

dan China. Kebudayaan ini diasimilasi dengan kebudayaan asal bumiputera di negara ini yang mencerminkan kebudayaan serantau bagi Asia Tenggara.

Saya berpendapat di rantau Asia Tenggara ini tidak ada lagi kebudayaan yang benar-benar murni yang dipunyai dan diwarisi oleh satu bangsa. Sekiranya kita membuat penelitian secara objektif dan mendalam, maka jelaslah kebudayaan yang kita amalkan hari ini ialah hasil daripada evolusi kebudayaan asli yang terus-menerus menerima pengaruh luar dalam penghidupan bangsa kita zaman-berzaman. Begitu pula dengan masyarakat bangsa-bangsa di Indo-Cina, Filipina dan Indonesia.

Dengan pengaruh kebudayaan Barat semasa akhir-akhir ini, kebudayaan Malaysia hari ini bertambah corak memberikannya satu perspektif baru. Bagaimanapun ada aspek-aspek yang kekal dipelihara dan disegarkan iaitu bahasa dan menerusnya sastera. Inilah satu-satunya teras yang kekal teguh dalam kebudayaan kita, dan mengukuhkan pegangan bahawa kebudayaan Malaysia hendaklah berlandaskan kebudayaan asli rantau ini.

Dengan mengakui bahawa teras kebudayaan negeri ini haruslah berunsur Melayu, kita tidak pula membelakangkan unsur-unsur dari kebudayaan lain yang disuapkan dalam kebudayaan masyarakat moden masa ini.

Di masa yang lepas, saya telah berkali-kali mengingatkan bahawa konsep negara kita ini adalah konsep berbilang kaum dan tindak-tanduk satu-satu kaum di negara ini memberi kesan yang langsung kepada kaum lain. Saya telah menyarankan supaya tidak harus ada sebarang polarisasi di kalangan belia dan pelajar. Dan polarisasi ini tidak seharusnya berlaku atau wujud di pusat-pusat pengajian tinggi negara kita kerana polarisasi akan menimbulkan akibat yang tidak baik kesannya bagi negara dan perkembangan demokrasi.

Sekiranya polarisasi ini dibiarkan berlaku tanpa sekatan, *totalitarianism* akan timbul dan kehidupan rakyat yang aman damai akan terganggu.

Patut diingat bahawa bukan semua pemimpin negara berasal dari universiti. Sungguhpun sebahagian besar daripada mereka pernah memasuki universiti, apa yang kita maksudkan ialah supaya sekalipun terdapat perbezaan pendapat mengenai satu-satu isu, tetapi ternyata ada persefahaman di antara pemimpin-pemimpin yang mempunyai sahaman yang berlainan itu.

Untuk menjamin masa depan negara, tema bagi masa depan seluruh rakyat negara ini ialah kerjasama seluruh kaum dengan mendapatkan pertolongan dari semua golongan demi mencapai aspirasi nasional iaitu membina satu Malaysia yang bersatu, dalam mendaulatkan bahasa kebangsaan yang tunggal, dalam mewujudkan satu kebudayaan nasional dan yang lebih penting dalam membentuk dan membina satu masyarakat adil dan makmur.

Kiranya setiap golongan terpelajar dapat membantu pada menghasilkan objektif ini, terutama sekali dengan mengamalkan konsep ini pada setiap masa, saya yakin dapat mencapai matlamat ini tanpa menimbulkan sebarang salah faham atau *sense of insecurity*.

Dalam sebuah negara yang telah maju, lazim kita dapati perbuatan segolongan masyarakat menunjuk perasaan sebagai menggambarkan rasa kecewa dan memprotes atas kegagalan masyarakat. Tetapi, bagi sebuah negara yang sedang membangun, perbuatan meniru contoh di negara-negara yang telah maju itu tidak relevan dan tidak berguna sama sekali.

Oleh yang demikian, adalah menjadi satu cabaran kepada semua golongan yang ingin membina negara ini khasnya pelajar-pelajar supaya menumpukan perhatian pada kerja-kerja yang kreatif berdasarkan tatasusila negara ataupun mendorong kepada usaha-usaha yang membina.

Saya telah berkali-kali menyatakan bahawa kaum terpelajar harus menilai yang sesuatu perbuatan dan gerak langkah hendaklah berpandukan neraca dan kehidupan asli Timur iaitu tanpa meniru sesuatu yang asing dan tidak pernah berlaku di negara ini dulu.

Kaum terpelajar yang hari ini sedang menambahkan ilmu pengetahuan dan pengalaman akan mewarisi pemimpin negara. Hakikat ini perlulah diakui kerana seperti pepatah: "Tukang yang paling mudah itu bukanlah tukang yang membina sesuatu, tetapi tukang cuci."

Sukalah saya menyatakan bahawa jentera kerajaan tidak akan tergelincir dari landasannya dalam melaksanakan dasar-dasar nasional kerana inilah semangat tabah dan berani pemimpin yang telah membebaskan negara dari penjajahan. Adalah menjadi kewajipannya untuk menjalankan sesuatu yang dianggapnya mustahak dan berguna kepada bangsa dan negara.

Sebagai pemimpin-pemimpin kerajaan kami tidak bercita-cita untuk menyerahkan sesuatu kepada bakal pemimpin yang tidak bertanggungjawab yang kami anggap menuju kepada keruntuhan sahaja.

Government Power atau kuasa kerajaan akan digunakan untuk melaksanakan, memelihara serta mencapai objektif ini. Kami akan gunakan kuasa terhadap apa yang boleh mengancam kestabilan negara dan keharmonian masyarakat dengan tegas, tetapi adil tanpa mengira apakah kami menghadapi satu golongan anak-anak pelajar atau kepada golongan yang antinasional.

Malaysia mempraktikkan demokrasi dan percaya dengan konsep demokrasi.

Demokrasi menjamin hak untuk hidup. Tetapi, janganlah nama demokrasi itu digunakan oleh golongan minoriti untuk memaksa kehendak mereka ke atas golongan majoriti.

Di bawah demokrasi wakil-wakil rakyat yang terpilih mestilah dihormati. Rakyat harus menaruh hormat pada *holders of elective office* kerana dengan ini sahajalah semangat demokrasi tulen dapat dikekalkan.

Oleh yang demikian, sebarang perbuatan yang menentang unsur-unsur demokrasi serta mengancam harmoni antara kaum harus dielakkan. Harmoni dan kestabilan negara hendaklah

dikekalkan. Pada orang-orang Melayu sendiri tidaklah ada faedahnya untuk sentiasa berpegang kepada hak Melayu sahaja dengan mengetepikan hak-hak bangsa lain di bawah keadaan negara sekarang.

Dalam demokrasi suara majoriti tidak harus dilenyapkan sebagaimana juga "*Silent majority cannot remain silent, other wise silence will be interpreted as appeasement by the minority dissenters*".

Berbalik kepada seminar yang saudara-saudara anjurkan ini saya inginlah menyatakan tentang konsep perjuangan pelajar dan latihan pemimpin. Konsep apakah yang dikatakan *students achievement* dan apa pula yang disifatkan sebagai *Government achievement*.

Memang ada jurang yang memisahkan antara dua ini. Dengan itu saya memandang berat bahawa soal pimpinan di kalangan pelajar-pelajar adalah penting bukan sahaja untuk memandu rakan-rakan pelajar dalam bidang pelajaran serta aktiviti yang bercorak akademik, tetapi juga dalam hal masyarakat yang boleh melengkapkan pelajar-pelajar tersebut dalam penghidupan di masa akan datang.

Kerajaan kini sedar bahawa potensi di kalangan pelajar-pelajar kita terutama di pusat-pusat pengajian tinggi adalah besar dan dengan itu kita berusaha supaya tenaga-tenaga berfikir dan juga penyelidik haruslah disalurkan kepada usaha-usaha pembangunan seperti yang saudara jalankan itu.

Saya amat tertarik hati dengan usaha saudara membawa pelajar-pelajar di kawasan luar bandar untuk memberikan pimpinan kepada rakyat khasnya.

Usaha saudara-saudara ini patutlah dijalankan secara besar-besaran di masa akan datang dan saya bolehlah memberikan jaminan bahawa kerajaan akan memberikan perhatian yang sewajarnya ke arah usaha itu, selagi projek yang dijalankan itu benar-benar memberi manfaat kepada kedua-dua belah pihak.

Dengan seminar latihan ini, saya yakin saudara akan dapat menyalurkan bakal-bakal pemimpin yang akan masuk ke

gelanggang masyarakat negara ini secara matang dan boleh memandu masyarakat dan negara ke arah zaman yang lebih gemilang dan makmur. Negara memerlukan pemimpin yang bertanggung-jawab dan pimpinan yang penuh disiplin.

Mutu pimpinan ini penting kerana setiap pemimpin atau orang yang ingin menjadi pemimpin mestilah tahu "*the art of the possible*".

Seseorang pemimpin mestilah juga mewakili keinginan rakyat pada satu-satu ketika atau semua ketika (*representative of the desire of the people of all time or of a particular time*). Ramai cerdik pandai yang mengemukakan diri untuk menjadi pemimpin, tetapi banyak yang gagal oleh sebab pendapat dan fikiran mereka sering kali terlalu *advanced* dengan kemampuan rakyat yang mereka pimpin itu untuk menerimanya. Ini mustahak kerana banyak contoh yang boleh kita ambil daripada pengalaman di masa lepas.

Bagi saudara-saudara yang ingin menjadi pemimpin, hal ini patutlah dijadikan panduan oleh kerana sifat-sifat tersebut yang menjadi ujian sama ada golongan yang dipimpin itu dapat mengikuti pimpinan saudara-saudara.

Ada juga telatah pemimpin ini yang terlalu jauh ke hadapan dan bila tidak dapat memimpin yang dipimpin, dia berasa kecewa, dia mula menghadapi rakyat dengan kecaman-kecaman dan perbuatan *abusive*.

Dalam demokrasi rakyat dipimpin dengan cara dipujuk atau dipandu berlainan keadaannya di bawah pemerintahan totalitarianisme yang memaksa setiap yang dipimpin mematuhi sesuatu yang mereka inginkan.

Inilah di antara perkara-perkara yang patut menjadi perhatian dan bimbingan saudara-saudara.

Seminar saudara ialah mengenai kepimpinan pelajar dan masalah yang sering ditimbulkan di negara kita juga ialah mengenai soal pimpinan.

Meneliti akan hal ini, saya berpendapat bahawa orang-orang

Melayu tidak harus bimbang dengan soal pimpinan yang mereka anggap akan diambil alih oleh bangsa lain. Untuk masa-masa yang akan datang bahkan sekarang juga saya yakin bahawa semua kaum di negeri ini menerima orang Melayu sebagai pemimpin asal sahaja pemimpin tersebut memberi kebajikan kepada semua rakyat. Tidak timbul masalah bahawa orang-orang bukan Melayu akan mengambil alih pimpinan kerana mereka sedar pimpinan yang popular dan berkesan, mestilah mendapat persetujuan dan sokongan daripada orang-orang Melayu.

Setiap parti politik terutama parti pembangkang, mahu supaya orang Melayu berada dalam pucuk pimpinannya. Demikian juga dalam badan-badan kebudayaan dan lain-lain. Dalam hubungan ini saya nyatakan bahawa setiap pelajar khasnya orang-orang Melayu patutlah memperlengkapkan diri untuk melayakkan jadi pemimpin dalam negara yang berbilang kaum ini.

Setiap pemimpin hendaklah mentadbir menurut kepentingan semua golongan masyarakat dan menuju kepada perpaduan dan solidariti.

Saya menyeru supaya setiap pelajar akan sentiasa berpegang kepada konsep ini dan yakinlah bahawa inilah konsep yang popular dan dapat diterima oleh mereka dalam mencapai kebahagiaan dan kemakmuran negara.

Dengan harapan dan ingatan ini saya sukacitalah mengisyartiharkan seminar ini dibuka dengan rasminya.

Lampiran II

SEBAGAI SEORANG MANUSIA SAYA ADALAH SEORANG OPTIMIS

(Ucapan YAB Tun Dr. Ismail di Upacara Penerimaan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang, Universiti Sains Malaysia, 9 Jun 1973).

SAAT ini dan upacara ini mempunyai erti yang besar dan sangat mendalam bagi saya.

Sebagai seorang manusia biasa dan dengan perasaan terharu kerana kedaifan, tetapi penuh syukur, saya berdiri di hadapan saudara-saudara, pendeta-pendeta dan sarjana-sarjana dalam gedung ilmu pengetahuan yang bernama Universiti Sains Malaysia ini.

Saya sukacita kerana di sinilah terdapat satu lagi kumpulan ilmu pengetahuan untuk disebarluaskan kepada anak-anak muda pembina negara dan harapan bangsa Malaysia di masa hadapan.

Oleh yang demikian, saya berasa gembira dan bangga dengan keputusan pihak universiti yang telah berkenan menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang kepada saya bagi tahun ini.

Bagi saya penganugerahan dari universiti ini adalah satu penghormatan yang paling tinggi dan tetap tinggal dalam kenangan sebagai satu detik peristiwa yang amat bersejarah dan mengharukan. Izinkanlah saya menyampaikan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak universiti di atas penganugerahan ini.

Saya juga puas hati kerana dengan penghormatan ini mendorongkan saya untuk berbakti lebih besar oleh sebab saya telah sampai kepada peringkat akhir untuk memberikan segala apa yang ada demi kepentingan masyarakat, bangsa dan negara.

Pada peringkat perkembangan politik, ekonomi dan sosial di negara kita sekarang, kepercayaan, keyakinan atau *belief* seseorang adalah penting.

Keyakinan atau *belief* tersebut meliputi bentuk negara Malaysia kita pada masa depan.

Bagaimanakah hubungan di antara kaum-kaum terbesar dan bagaimana pula hal keamanan, kemakmuran dan hidup damai rakyat pada masa depan.

● Saat seperti ini adalah wajar untuk saya memperkatakan sesuatu yang sesuai dengan peristiwa yang bersejarah ini dan saya berdiri di hadapan saudara-saudara sekarang bukan sebagai seorang pemimpin negara, bukan sebagai seorang politik, bukan sebagai tokoh dalam masyarakat, tetapi hanya sebagai seorang hamba Allah di tengah-tengah orang yang berilmu sebagai manusia yang telah lewat umur, tetapi telah banyak menjalani hidup yang penuh dengan kisah-kisah suka dan dukanya.

Sebagai seorang manusia, saya adalah seorang *optimis*.

Ini tidak bererti bahawa saya tidak pernah merasa *depressed*, tetapi kemasyghulan biasanya dapat diatasi manakala kita mempunyai keyakinan dan sikap hidup yang positif. Saya mempunyai keyakinan penuh kepada kemanusiaan, kepada kekuatan rohani dan jasmani kerana masakan kita akan mencapai peradaban yang sedemikian tinggi kalau kita tidak mempunyai kekuatan rohani dan jasmani, penganugerahan dari Tuhan kepada makhluk-Nya.

Empayar dan dinasti yang besar dan gagah timbul dan tenggelam, tetapi kemajuan manusia meningkat terus, peperangan dan mala-petaka menimpa dunia dari abad ke abad, namun peradaban manusia keseluruhannya mencapai peringkat kemajuan yang kian tinggi.

"Man survives because he is endowed with intelligence and knowledge to overcome his own folly". Manusia mampu mencapai keagungan dan kebesaran.

Demikian dasar keyakinannya terhadap negara kita, sikap saya yang lahir dari keyakinan saya bahawa rakyat kita mempunyai kekuatan rohani dan jasmani yang besar untuk memberikan kita harapan bahawa masa depan kita penuh dengan kecemerlangan; kita hanya perlu menyalurkan kekuatan rohani dan jasmani itu ke arah cita-cita pembangunan negara untuk menjamin masa depan yang gemilang buat kita dan keturunan kita yang akan datang.

Tidak ada sejarah satu bangsa pun dalam dunia ini yang tidak menjalani proses yang kadang-kadang pasang dan kadangkalanya surut. Yang kadang-kadang lurus dan kadangkalanya berliku-liku. Apatah lagi pada satu negara yang baru muncul, yang sedang dalam proses membangun, satu bangsa yang terdiri daripada berbagai keturunan. Tentulah macam-macam masalah dan cabaran yang dihadapi; masalah-masalah yang unik pula yang seumpamanya barangkali belum pernah dialami oleh bangsa-bangsa lain, yang merupakan pula cabaran yang serba baharu tidak sahaja pada pemimpin-pemimpin kita tetapi juga pada rakyat jelata.

Maka itu kalau ada kalanya kita teragak-agak, ada kalanya kita kelihatan meraba-raba mencari penyelesaian, kalau ada waktunya kita mengambil masa untuk mengenal pasti punca-punca dari masalah-masalah kita, maka hal-hal ini adalah *"to be expected"*.

Dalam perjuangan menentang penjajahan, slogan-slogan yang kita teriakan adalah slogan-slogan yang negatif. Kita muhu mengusir penjajahan; kita menolak perbudakan. Teriakan-teriakan itu ada aspeknya yang positif dalam erti kata bahawa ia mempunyai

tujuan untuk mencapai kemerdekaan. Kedua-duanya berbaris antara satu sama lain tetapi yang tertonjol ke hadapan ialah aspek yang negatif dari perjuangan kita iaitu mengusir penjajahan, menolak perbudakan, melenyapkan kekuatan asing dari bumi tanah air kita.

Pejuang-pejuang kemerdekaan waktu itu telah terkumpul dalam dua kumpulan. Satu kumpulan yakin bahawa kemerdekaan hanya boleh dicapai menerusi "revolutionary means" sementara satu kumpulan lain percaya dengan proses perlembagaan.

Penjajah Inggeris mempunyai dua pilihan, iaitu sama ada bersetuju memberikan kemerdekaan kepada golongan *moderate* yang berjuang secara berperlumbagaan atau bertindak keras secara konfrontasi terus-menerus dengan kekerasan senjata.

Kerajaan Inggeris telah memutuskan untuk mengalah kepada golongan nasionalis yang berjuang atas unsur-unsur perlumbagaan dan mempunyai asas kompromi di kalangan kaum yang terbesar di negeri ini.

Sekalipun, kemerdekaan telah dicapai oleh golongan yang *moderate*, tetapi sejarah membuktikan bahawa golongan nasionalis radikal juga telah memberikan sumbangan terhadap tercapainya kemerdekaan itu.

Setelah kemerdekaan, kita mulailah melangkah ke satu babak baru pula, satu babak yang pertama dari sejarah baru kita membangun satu negara merdeka dan berdaulat.

Kita harus mengisi kemerdekaan itu. Dan mengisi kemerdekaan melahirkan pula masalah dan cabaran yang seumpamanya belum pernah kita hadapi dulu. Lebih kompleks lagi tugas itu kerana kita hendak membangun satu bangsa yang baharu terdiri daripada keturunan-keturunan yang sebelumnya tidak kenal-mengenal antara satu sama lain.

Pada UMNO khususnya dan Perikatan umumnya telah terbeban tugas ini. UMNO merupakan parti yang menggambarkan peranan terpenting sekali dalam proses membangun satu bangsa baharu ini

kerana *historical reasons*. UMNO merupakan satu-satunya golongan politik yang terkuat di samping MCA dan MIC dan berkembang secara perlembagaan pada saat yang crucial sekali dalam perjuangan kemerdekaan negeri ini.

Golongan-golongan lain juga ikut dalam perjuangan itu dengan cara masing-masing pula dan seluruh tenaga ini—dari golongan nasionalis yang radikal membawa kepada golongan yang sederhana—ikut menekankan pengaruhnya kepada kancan perjuangan itu hingga terlepaslah negara kita dari ikatan penjajah. Tetapi UMNO dan Perikatan merupakan golongan perlembagaan yang menerima peralihan kuasa itu dan semenjak itu hingga sekarang, ia memegang peranan tersebut, peranan sebagai pemimpin. Tetapi kedudukan UMNO ialah sebagai "*leader among equals in the Alliance setting*".

"*Ours is a leadership without domination; ours is a leadership without being exclusive*" tetapi "leadership" yang menuju ke arah mencipta satu negara Malaysia yang bersatu padu (*towards a common Malaysian future*). Kita tidak mencari "leadership" itu tetapi "*it was trusted*" ke atas kita oleh sejarah. Kerajaan kita sebagai pemimpin diukur dari kemampuan kita menghadapi dan mengatasi cabaran-cabaran itu; sebagaimana juga kejayaan seorang manusia dalam hidup diukur dari kejayaannya mengatasi segala ujian yang dilaluinya dalam hidupnya; makin sulit ujian semakin besar nilai kejayaannya.

Kunci kejayaan seseorang dalam hidup bergantung kepada sikap dan pandangan hidupnya. Ia tidak boleh "*rigid*" menghadapi masalahnya. Ia mesti fleksibel. Ia mesti membuka fikirannya seluas mungkin untuk menerima fikiran orang; ia tidak boleh menutup otaknya kepada pengaruh-pengaruh baharu, kalau tidak ia tidak akan belajar dari pengalaman orang lain yang lebih pandai, yang lebih maju daripadanya; "*he must not have a closed-mind; he must imbibe an open-mindedness of approach day-to-day issues and problems*". Dan kita belajar dari kesalahan dan kesilapan kita; manusia

adalah "innovator" yang paling cekap sekali; ia respons kepada satu-satu situasi dengan segala kekuatan fikirannya dan *instinct* yang diwarisinya zaman-berzaman.

Pemimpin dan rakyat sama-sama belajar dari masalah yang "peculiar" dan terkhusus pada lapangan masing-masing; pemimpin dan rakyat sama-sama belajar dari pengalaman; tak ada buku teks yang mengajar kita untuk memimpin atau untuk hidup; buku teks hanya penting dan berguna sebagai panduan, tapi ujian dari teori-teori yang kita belajar dari buku mesti aplikasi kepada situasi konkret, tidak ada "standard answers" kepada satu-satu masalah kerana tidak ada "standard problem" dalam hidup.

Rukun negara dan *New Economic Policy* bukanlah landasan-landasan yang kita kemukakan dari ruang kosong.

Ia bersandarkan pada pengalaman-pengalaman kita, pelajaran yang kita timba dari ujian yang pahit yang telah kita lalui. *Application* dari kedua-duanya itu tidak diperyatakan dan dilaksanakan secara *bookish*, secara *rigid*. "*Ours is not a regimented society; ours is a multi-racial society*" dan masing-masing golongan mempernyatakan sesuatu dari isi hatinya dengan gaya dan cara yang sesuai dengan kebudayaan dan adat resamnya sendiri. Hanya matlamatnya adalah satu dan sama; cara *application* dari *New Economic Policy* pun demikian juga; ia berubah dari masa ke masa, menurut keadaan, menurut situasi; berubah dari tempat ke tempat; tetapi tujuannya satu dan fundamentalnya tidak berubah iaitu merapatkan jurang antara luar bandar dan dalam bandar, melenyapkan kemelaratuan tanpa mengira keturunan dan kaum.

Dalam soal pimpinan, telah menjadi satu syarat mutlak bahawa setiap pemimpin negara atau para hendaklah ia diterima oleh semua golongan.

Berkat pemimpin yang berjaya membawa kemerdekaan, selama 12 tahun terdapat kerukunan serta kestabilan yang membolehkan kita mencapai peringkat kemajuan ekonomi dan sosial yang tinggi. Peristiwa 13 Mei membuktikan bahawa landasan perpaduan rakyat

belumlah begitu kukuh. Kesedaran inilah mendesak satu formula yang realistik bagi menyelesaikan masalah negara yang berbilang bangsa di mana pimpinan yang pragmatik amat diperlukan.

Dalam perkembangan sekarang, sekalipun ada rasa bimbang atas kegiatan satu kaum terhadap satu kaum yang lain tetapi saya yakin bahawa nasib bangsa Malaysia, harapannya untuk maju ke muka sebagai bangsa yang progresif adalah terjamin oleh sebab perasaan muhibah, toleransi dan hormat-menghormati telah mulai tumbuh dengan subur.

Lebih-lebih lagi, setiap kaum terbesar mempunyai bidang-bidang keahlian semula jadi yang tidak boleh dipersoalkan lagi.

Orang-orang Melayu dengan kecenderungan dalam politik dan pentadbiran akan terus diterima sebagai satu kumpulan yang dapat memberikan pimpinan, dan pentadbiran yang adil.

Saya percaya orang-orang Melayu akan terus mempelopori lapangan ini untuk masa depan.

Demikian pulalah orang-orang Cina dengan keahlian mereka dalam perniagaan serta "*business-like approach*" dalam beberapa hal akan terus diharapkan sebagai golongan yang terkuat ekonomi negara.

Orang-orang India sebagai "*in-between*" akan terus memberikan sokongan dalam mana-mana lapangan yang mereka maju.

Dengan inherent characteristics yang telah wujud di kalangan bangsa Malaysia ini, saya yakin bahawa satu pembahagian kerja telah pun wujud untuk membolehkan kita maju dan saling bantu-membantu.

Sekalipun telah ada lapangan-lapangan tertentu yang menjadi asas bergerak kepada tiap-tiap kaum, tetapi tidaklah bererti adanya tembok besar secara eksklusif yang memisahkan golongan-golongan ini. Orang-orang Melayu boleh memasuki lapangan perniagaan dan ini terbukti dengan keazaman kerajaan untuk mendorong dan melatih mereka menjadi masyarakat perdagangan. Demikian juga orang-orang Cina boleh memasuki lapangan pentadbiran dan politik berasaskan kepentingan negara seluruhnya.

Pada mula tadi saya mengatakan bahawa saya seorang optimis. Keyakinan saya ialah keyakinan yang bersumber dari kekuatan rohani dan jasmani rakyat.

Dari kejayaan-kejayaan kita di masa yang lalu. Dari pengalaman dan pelajaran yang kita dapat setelah melalui ujian, tiap-tiap cabaran besar dan kecil. Dari kekayaan alam kita; dari budi pekerti dan kekayaan kebudayaan kita. Dari *basic goodness of heart* tiap-tiap rakyat kita. Dari tradisi kita. Dari kesungguhan kepada hidup yang dilahirkan oleh anak-anak kita dan akhir sekali dari orang-orang yang berilmu seperti saudara-saudara yang berfikiran luas, yang meneliti dan mempertimbang sesuatu dengan fikiran yang tidak bertutup oleh prejudis oleh *assumption* yang palsu.

Demikian juga saudara-saudara patut mempergunakan ilmu untuk masyarakat umum dan memberikan sumbangan fikiran dan intelek kepada perbendaharaan ilmu negara.

Di samping itu, sebagai jaminan kepada kestabilan dan harmoni,
I believe that Malaysians should exploit to the utmost the inherent qualities of the various racial components which enrich the Malaysian society".

Semuanya ini memberikan keyakinan kepada saya bahawa masa depan kita penuh dengan kegemilangan, penuh dengan harapan.

Lampiran III

(Ucapan YAB Tun Dr. Ismail di Upacara Merasmikan Jubli Perak Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung, Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur, 2 Ogos 1973).

Perjuangan GPMS adalah sebahagian dari perjuangan nasionalisme Melayu ...

AMANAT TERAKHIR TUN DR. ISMAIL

Pada petang 2hb Ogos, 1973, Tun Dr. Ismail selaku Pemangku Perdana Menteri telah berucap merasmikan Jubli Perak GPMS, di Kelab Sultan Sulaiman, K. Lumpur. Kami siarkan sepenuhnya ucapan beliau itu sebagai satu bahan dokumentasi.

PERAYAAN Jubli Perak GPMS yang bermula hari ini merupakan kemuncak pada satu babak perjuangan pelajar-pelajar yang telah dicetuskan sesuku abad yang lalu.

Saya amat sukacita kerana dapat bersama-sama pada saat ini untuk turut merayakan perayaan yang besar ertinya, bukan saja kepada generasi yang telah mengasas dan memperjuangkan citta-cita GPMS, tetapi juga kepada generasi muda yang sedang dan akan meneruskan perjuangan GPMS ini.

Melihat dari semangat dan keazaman yang saudara buktikan hari ini saya yakin bahatera Gabungan ini akan terus dilayarkan untuk memasuki suku abad lagi bahkan seterusnya untuk mencapai matlamat yang dituju.

Saya masih ingat kepada kegiatan kumpulan mahasiswa di universiti dan pelajar-pelajar di tiap-tiap negeri yang menjadi pemimpin GPMS mula meniupkan semangat untuk memperjuangkan cita-cita orang Melayu dalam alam pendidikan. Sesungguhnya, perjuangan GPMS pada hakikatnya adalah sebahagian dari perjuangan nasionalisme Melayu yang bertindak dalam bidang pelajaran. Realiti ini tidak dapat dipisahkan kerana kunci kepada pemberian nasib pelajaran Melayu pada waktu itu adalah bergantung kepada kemerdekaan negara.

Di saat yang bersejarah ini dan dalam suasana penuh dengan semangat menoleh ke belakang untuk menganalisis usaha-usaha yang lepas dan memandang ke hadapan untuk mencapai matlamat yang lebih besar, GPMS khasnya dan orang Melayu amnya patutlah mengenang akan jasa-jasa yang telah dicurahkan oleh pemimpin GPMS, khususnya pada Saudara Aminuddin Baki yang sudah tidak ada lagi. Kita ingat bahawa beliau bersama dengan rakan-rakan lain, secara gigih menyuarakan kehendak dan keperluan pendidikan anak-anak Melayu, sehingga tergarislah program perjuangan GPMS untuk panduan bergerak.

Bidalan Melayu yang sering digunakan seperti, "Anak kera di hutan disusukan, anak kandung sendiri mati kelaparan." dan "Itik di air kehausan, ayam di kepuk kelaparan", masih kedengaran sayup-sayup.

Ini adalah cebisan daripada keluhan atau rintihan hati pelajar-pelajar Melayu di peringkat permulaan perjuangan GPMS.

Bersyukurlah kita bahawa dengan tercapainya taraf pemerintahan sendiri dan kemerdekaan, dengan keazaman daripada parti pemerintah serta pemimpin nasional, tokoh-tokoh GPMS serta alat jentera kerajaan, sedikit demi sedikit isu-isu yang diperjuangkan oleh GPMS telah dapat dipenuhi dan diatasi.

Saya tidak dapat meletakkan kejayaan ini kepada satu-satu kumpulan, tetapi memadailah kalau saya katakan bahawa ini adalah hasil daripada perjuangan kolektif, hasil daripada perjuangan nasionalisme Melayu, sebagai nikmat dari kemerdekaan tanah air.

Tidak siapa dapat menafikan bahawa dalam perjuangan di masa lepas GPMS telah memberikan sumbangan yang tidak kecil dalam konteks pembangunan negara kita. GPMS dalam bentuknya yang tersendiri dan dalam menegakkan cita-cita negara telah dapat meniupkan semangat baru di kalangan orang Melayu dan berjaya memberi kesedaran tentang kelemahan-kelemahan pelajar-pelajar Melayu dalam perkembangan pendidikan, setelah ditekan beberapa lama oleh penjajah.

Pada hari ini kita mendapati kedudukan pelajar Melayu di beberapa institusi pelajaran tinggi di negara ini, bukan saja bilangan dan peratusnya bertambah, tetapi kualitinya dan jumlah institusi itu sendiri telah turut bertambah. Namun demikian, kita masih mengharapkan lebih ramai jumlah pelajar Melayu lulus dengan kepujian di sekolah-sekolah menengah untuk melayakkan diri memasuki universiti. Dalam hubungan ini, GPMS mempunyai peranan penting.

Salah satu daripada cita-cita yang diperjuangkan oleh GPMS khususnya pemimpin-pemimpin pada waktu itu ialah untuk mengadakan sekolah menengah Melayu bagi menyambung pelajaran anak-anak Melayu yang sebagaimana saudara-saudara ingat di zaman penjajahan dulu hanya tamat sehingga sampai di darjah lima sekolah rendah saja.

Akan tetapi, pada hari ini, bukan saja kita telah mempunyai sekolah menengah aliran Melayu yang bertambah banyak, tetapi juga kemuncak kepada sistem pelajaran Melayu iaitu penubuhan sebuah universiti kebangsaan telah wujud, bahkan telah pun mengeluarkan siswazahnya sebagaimana yang telah saudara-saudara saksikan baru-baru ini.

Saya amat suacita dan merasa bangga bahawa cita-cita yang telah diperjuangkan oleh GPMS telah banyak tercapai, sungguhpun

tidak ada batasan dari kehendak-kehendak ini. Satu demi satu kemajuan diperincikan mengikut yang kita ingini. Mudah-mudahan banyak lagi yang kita akan capai.

Memadailah dikatakan bahawa perkembangan pendidikan Melayu telah berjalan begitu lancar sekali sungguhpun kita menghadapi beberapa masalah termasuk aspek keciciran pelajar yang menjadi punca penting kemunduran orang Melayu dalam pendidikan.

Namun demikian, saya ingin menegaskan di sini bahawa perjuangan GPMS pada masa depan patutlah dikisarkan kepada soal membangun, khasnya memberikan kesedaran kepada ibu bapa dan pelajar-pelajar Melayu sendiri tentang perlunya memperlengkap diri dengan ilmu pengetahuan sesuai dengan kemodenan dan pembangunan sehingga kita dapat mencapai kemajuan dan masyarakat moden sejajar dengan kaum lain di dunia ini.

Saya percaya pemimpin-pemimpin GPMS pada masa ini patutlah mengadakan *programme of action*, mengenal pasti masalah yang dihadapi pelajar-pelajar Melayu baik di bandar mahupun di luar bandar. Di samping menambahkan lagi kelas-kelas bimbingan yang bertujuan untuk menambah dan melengkapkan pelajar-pelajar menghadapi tugas dan tanggungjawab mereka, saya yakin masih ada lagi tempat bagi kita menambahkan pusat-pusat pelajaran persendirian seperti Maktab Adabi dan lain-lain pertubuhan bagi menambahkan bilangan anak-anak Melayu yang berkelulusan serta juga menjadi pusat-pusat bimbingan pelajaran baik di pekan besar mahupun di pekan kecil di negara ini.

Saya harap dengan inisiatif yang telah diambil serta dengan perpaduan dan kebulatan fikiran ahli serta pemimpin GPMS sudah pasti akan dapat menghasilkan cita-cita dan tujuan yang lebih besar yang memberi kesan dan sumbangan terhadap negara dalam perkembangan pelajaran dan pendidikan rohani dan jasmani. Pihak kerajaan akan bersedia memberikan sebarang bantuan untuk menjayakan program saudara-saudara. Sebagaimana yang saudara

maklum, kerajaan telah memberi bantuan sebanyak RM10,000 untuk bantuan kelas bimbingan bagi tahun 1972 dan sebanyak RM15,000 bagi tahun ini.

Kami bersedia untuk menambahkan bantuan ini apabila sahaja GPMS mempergiat usahanya dalam lapangan ini.

Mengambil sempena hari yang bersejarah ini, saya sukalah memberikan pendapat dan pandangan terhadap peranan pelajar dan belia di negara kita ini. Di masa-masa yang akhir ini kita bangga kerana dapat melihat kegiatan-kegiatan golongan belia yang bergerak dalam beberapa lapangan serta dengan beberapa cara.

Saya sentiasa berpegang kepada prinsip bahawa belia adalah satu "force", satu tenaga yang kuat untuk membina negara ataupun sebaliknya yang boleh meruntuhkan negara.

Oleh sebab sebahagian besar daripada penduduk-penduduk negara kita ini terdiri daripada generasi muda dan mengingat bahawa corak negara kita ini ialah berbilang kaum, berbilang budaya dan berbilang agama, maka sebarang langkah yang dijalankan oleh kerajaan adalah berdasarkan kepada perimbangan dalam bentuk dan konsepnya, sesuai dengan toleransi dan aspirasi nasional. Hakikat ini mestilah difahami benar-benar oleh semua golongan tua dan muda.

Sebagai sebuah negara membangun, kita sentiasa mengadakan rancangan, sesuai dengan manifesto parti dan kehendak rakyat. Sekalipun kita mencapai kejayaan, tetapi kita juga menghadapi masalah yang seribu macam.

Masalah inilah yang sentiasa ditimbulkan oleh golongan pengkritik, sehingga menenggelamkan kejayaan kita di mata rakyat, seolah-olah tidak ada benda yang berubah semenjak kemerdekaan.

Dengan sebab itulah, kita mendapati pada hari ini tidak kurang isu dan platform terbuka dikemukakan untuk mendapatkan sokongan belia, khasnya, bagi apa-apa tujuan sekalipun. Isu seperti kemiskinan, kemunduran orang-orang Melayu, naik harga, beras tak ada dan platform agama telah dilancarkan untuk mendapatkan

sokongan dan simpati belia khususnya dan masyarakat Melayu amnya.

Apa yang kita mesti teliti dan berjaga-jaga ialah supaya kita dan masyarakat umum tidak mudah terpengaruh dengan taktik seperti ini.

Saya tahu dan kerajaan juga tahu tentang adanya golongan yang menggerakkan taktik seperti ini di kalangan belia untuk mencari salah dan mengecilkan usaha kerajaan. Hakikat ini telah menjadi prinsip kepada perjuangan kita untuk masa ini dan di masa yang akan datang.

Kegiatan-kegiatan yang seperti ini adalah negatif dan boleh menimbulkan satu keadaan yang tidak menyenangkan, lebih-lebih lagi isu-isu yang sensitif, isu yang boleh meragukan kepercayaan rakyat terhadap kerajaan dan kemampuannya untuk memenuhikehendak-kehendak rakyat.

Saya sukalah menyatakan bahawa setiap golongan belia di negara ini patutlah mendasarkan kegiatan kepada program dan *Action Oriented* dan bukan pada *Issue Oriented*. Kami sedar bahawa dalam menjalankan pentadbiran dan pemerintahan negara kita mempunyai beberapa kelemahan dan juga kekurangan dalam memenuhi tujuan kita kerana sebahagian daripadanya disebabkan oleh faktor-faktor yang di luar daripada kemampuan kita sendiri.

Oleh yang demikian, mengambil satu-satu isu dan cuba menonjolkan isu ini sebagai kegagalan kerajaan merupakan aktiviti yang bertentangan dengan arus pembangunan, kerana kerajaan akan sentiasa berpegang kepada prinsip dan dasar berbilang kaumnya.

Saya berharap belia semua golongan mempunyai motivasi yang sama iaitu membina negara dan memberikan khidmat suci serta kerjasama sepenuhnya terhadap kerajaan dalam usaha membina negara Malaysia yang bahagia dan makmur.

Seperti yang telah saya katakan tadi, kerajaan bersedia memberi dan menambahkan bantuan untuk kegiatan pelajar sekalipun kerajaan dikecam dengan penguatkuasaan Akta Universiti.

Tahun ini sebanyak RM76,000 diberikan untuk kegiatan pelajar-pelajar dalam beberapa jenis kempen berbanding dengan RM40,000 yang diberikan tahun lepas.

Saya merasa syukur kerana Majlis pada hari ini menandakan permulaan Hari Perayaan Jubli Emas GPMS. Saya berharap semoga perayaan ini akan ditekankan kepada cita-cita memperjuangkan tujuan negara kerana kepada saudara-saudaralah terletaknya tugas memimpin negara bagi masa akan datang.

Sesuai dengan majlis perayaan ini juga saya dengan sukacitalah mengumumkan bahawa UMNO Malaysia, menerusi GPMS telah menderma sebanyak RM5,000 sebagai hadiah kepada pelajar-pelajar Melayu yang terbaik dalam peperiksaan di peringkat universiti dan sekolah-sekolah menengah dan rendah atas. Ini adalah sebagai usaha menggalakkan pelajar-pelajar Melayu maju dalam pelajaran.

Yang demikian, saya mengakhiri ucapan ini dengan mengucapkan selamat GPMS merayakan Jubli Perak. Dengan ini juga saya dengan sukacita mengisyiharkan pembukaan perayaan ini.

BIBLIOGRAFI

Buku

- Abdul Majud Yusuff, *Hilangnya Seorang Patriot*. Kuala Lumpur: Penerbitan Knight, 1973.
- Comber, Leon, (Terjemahan Omardin Haji Ashari), *Peristiwa 13 Mei Sejarah Perhubungan Melayu-Cina*. Petaling jaya: International Book Service, 1985.
- Ibrahim Mahmood, *Sejarah Perjuangan Bangsa Melayu*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara, 1981.
- Means, Gordon P., *Malaysian Politics*. London: Hodder and Stoughton, 1970.
- Miller, Harry, *Prince and Premier A Biography of Tunku Abdul Rahman*. Kuala Lumpur: Eastern University Press (M) Sdn. Bhd., 1982.
- Morais, Victor J., *Selected Speeches A Golden Treasury of Asian Thought and Wisdom*. J. Victor Morais, S.B. St. J., 1967.
- Penyata UMNO Malaysia, 1973/74, Ibu Pejabat UMNO Malaysia.
- Zainal Abidin Alias, *Tan Sri Haji Mohamed Noah*. Kuala Lumpur: Utusan Melayu (M) Bhd., 1976.
- UMNO 10 TAHUN, 1946-56.

Majalah

- Dewan Masyarakat*, Ogos 1973.
Far Eastern Economic Review, Ogos 1973.
Mastika, September 1973.

Akhbar-akhbar

- Berita Harian*, 4 Ogos 1973.
Berita Harian, 5 Ogos 1973.
Berita Harian, 6 Ogos 1973.
Berita Harian, 15 Ogos 1973.
Utusan Malaysia, 5 Ogos 1973.
Mingguan Malaysia, 6 Ogos 1973.
Sunday Times, 5 Ogos 1973.
Suara Johor, Ogos 1973.
Balai Muhibah, Ogos 1973.

Makalah

- Catatan Riwayat Hidup Tun Dr. Ismail*, Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Sumber-sumber Rasmi

- Lembaga Kesatuan Melayu Johor, C.O. 537/1550.
Smith, T.E., *Report On the First Election of Members to the Legislative Council of the Federation of Malaya*, Kuala Lumpur, 1955.

Ucapan-ucapan

- "UMNO Teras Politik Melayu Teras Negara", Ucapan YAB Tun Dr. Ismail di Upacara Sidang Bersama Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO, Dewan Bahasa dan Pustaka, 29 Jun 1973.

- "Menyediakan Pimpinan Masa Hadapan", Ucapan YAB Tun Dr. Ismail di Upacara Merasmikan Seminar Kepimpinan Pelajar-pelajar Kebangsaan, Kolej Pertanian Serdang, 11 September 1972.
- "Penyertaan dan Penglibatan Bumiputera Menjayakan Dasar Ekonomi Baru", Ucapan YAB Tun Dr. Ismail di Upacara Penutup Seminar Ekonomi Bumiputera, Kuala Lumpur, 6 April 1973.
- "Sebagai Seorang Manusia Saya adalah Seorang Optimis", Ucapan YAB Tun Dr. Ismail di Upacara Penerimaan Ijazah Kehormat Doktor Undang-undang, Universiti Sains Malaysia, 9 Jun 1973.
- "Perjuangan GPMS Sebahagian Dari Perjuangan Nasionalisme", Ucapan YAB Tun Dr. Ismail, di Upacara Perasmian Jubli Perak GPMS, Kuala Lumpur, 2 Ogos 1973.
- "*Tun Dr. Ismail Oration*", Ucapan Tun Muhd. Sufian di Upacara Menerima Pengurniaan Ahli Kehormat Oresyen Pertama Tun Dr. Ismail Dalam Kongres Perubatan Malaysia-Singapura, 7 September 1974.

BIODATA



Thajunnisa Mohamed Ibrahim dilahirkan di Melaka pada 31hb Januari 1964. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Tuanku Abd. Rahman dan seterusnya ke Sekolah Menengah Tuanku Abdul Rahman, Gemas sehingga tingkatan lima. Beliau melanjutkan pelajaran ke tingkatan enam di Sekolah Menengah Tuanku Muhammad, Kuala Pilah dan memperoleh Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

Beliau telah ditawarkan masuk ke kursus Sastera dan Sains Sosial di Universiti Malaya pada Jun 1984. Beliau berhasil memperoleh Ijazah Sarjana Muda kelas dua atas dengan kepujian dalam pengkhususan Sejarah pada Ogos 1987 dan Diploma Pendidikan pada September 1989.

Beliau mula berkhidmat sebagai guru di Sekolah Menengah Selayang Baru, Gombak pada 1989, seterusnya pada 1990 di Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Petaling Jaya dan di Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Permata dari Jun 1998 sehingga Disember 2002.